

BAB IV

KE ARAH MEWUJUDKAN PENTADBIRAN MASJID YANG BERSISTEMATIK

BAB IV

KE ARAH MEWUJUDKAN PENTADBIRAN MASJID YANG BERSISTEMATIK

4.1 Pedahuluan

Berdasarkan kepada sejarah awal kejayaan Islam, menunjukkan bahawa masjid adalah sebuah institusi yang pertama dan utama dijadikan sebagai pusat yang mengatur perlaksanaan dua sistem hubungan; iaitu sistem hubungan manusia dengan Allah dan sistem hubungan manusia dengan manusia. Kedua sistem ini dapat kita amati melalui firman Allah *s.w.t* yang memerintahkan supaya sistem-sistem ini dilaksanakan agar manusia tidak terjebak ke dalam kancang kehinaan di sisi Allah *s.w.t*. Firman Allah Ta‘ala:

¹ ضربت عليهم الذلة أين ملأّنّهُمْ إِلَّا بِجَلْ جَلْ من الله وَجَلْ من النَّاسِ.

Terj: *Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia.*

¹ S. Ali ‘Imrān : A. 112.

Bagi merealisasikan perintah Allah *s.w.t* dalam ayat tersebut, keseimbangan dua sistem tersebut mestilah berfungsi dengan serentak tanpa sebaliknya. Sebagai sandaran kepada perlaksanaan ini, sudah setentunya masjid adalah satu-satunya institusi yang bertanggungjawab dalam perkara ini. Hal ini telah terbukti, di mana pada zaman Rasulullah *s.a.w* dan para sahabat telah memperlihatkan keupayaan masjid dalam menangani perintah tersebut dan seterusnya membawa kepada kejayaan yang cemerlang kepada umat Islam seluruhnya.

Sesungguhnya peralihan beberapa tugas dan fungsi masjid yang sebenarnya kepada institusi-institusi lain, sedikit sebanyak telah mempengaruhi pemikiran masyarakat masa kini dalam memahami fungsi masjid yang sebenar dan menjadi penyebab kepada kurangnya pemerhatian mereka kepada peningkatan pembangunan masjid. Selain daripada itu, faktor penting yang menyebabkan kelemahan masjid pada masa kini, ialah kurang berkesannya pentadbiran masjid itu sendiri sehingga masjid dianggap sebagai tempat untuk beribadat sahaja dan tidak lebih daripada itu.

Bagi menyelesaikan permasalahan ini, penulis akan menjelaskan beberapa perkara dalam kajian ini, dari segi teori dan praktikal kearah mewujudkan pentadbiran masjid yang berkesan dan bersistematis.

4.2. Peranan Masjid

Pada dasarnya masjid adalah sebuah kompleks perhimpunan bagi semua orang-orang Islam di mana saja mereka berada. Masjid sebagai Rumah Allah di muka bumi ini, selain dijadikan sebagai tempat beribadat (menyembah Allah), ianya juga merupakan pusat *mu'amalat* masyarakat Islam yang terdiri padanya pusat pentadbiran, pendidikan, perhubungan, kesihatan dan kesukinan, tempat memupuk kasih sayang, silaturahim dan sebagainya.

Jelasnya, masjid adalah merupakan suatu tempat yang unik dan tidak mungkin terdapat pada institusi-institusi yang lain. Bagi merealisasikan keunikkan peranan masjid tersebut, sudah tentu sesebuah masjid itu memerlukan satu pengurusan atau pentadbiran yang sihat dan bersistematik sesuai dengan keadaan masa dan zaman.

4.2.1 Pentadbiran Masjid

Islam adalah agama yang mencantumkan satu *ukhrawi* dan *duniawai*. Ini menunjukkan bahawa Islam itu merupakan cara hidup yang sempurna dan hakiki. Untuk membenarkan hakikat ini, Islam telah menjadikan masjid sebagai lambang kerohanian dan kesejahteraan kehidupan itu. Dengan yang demikian, masjid adalah disifatkan sebagai

penggerak atau sumbu yang menyalakan kerohanian, keilmuan dan kebudayaan umat sejagat.

Melihat kepada perkembangan masjid-masjid dalam sejarah Islam, menunjukkan pembinaan masjid itu sendiri tidak pernah diabaikan oleh pemerintah dan masyarakat Islam sama ada pada zaman awal kegemilangan Islam mahu pun zaman mutakhir ini. Faktor yang membezakan kegemilangan masjid pada zaman awal Islam dengan masjid sekarang ini, ialah berpunca daripada perubahan masa dan zaman itu sendiri, di mana sebahagian daripada tugas-tugas masjid yang menjadi pusat segala-galanya, telah diambil alih oleh institusi-institusi lain supaya tidak membebankan masjid menanggung tanggungjawab yang lebih berat dalam semua hal. Namun, apakah masjid masa kini dapat merealisasikan sepenuhnya konsep dan saki-baki daripada peranan masjid yang sebenarnya sesuai dengan keadaan semasa.

Apa yang dapat kita lihat sekarang, kebanyakan masjid-masjid di rantau ini khususnya, dan di dunia ini umumnya, lebih merupakan bangunan yang indah tersergam, seolah-olah manjadi satu kebanggaan dari segi keindahan dan seni binanya sahaja, tetapi kosong dari segi pengisian dan pengimarahannya sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Jika ini berlaku, ternyata umat Islam sekarang sudah tersisih daripada landasan Islam

dalam mendefinisikan pengertian masjid yang sebenarnya. Rasulullah s.a.w pernah mengingatkan sebagaimana bersabda:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّىٰ يَبْسَاهِي النَّاسُ فِي الْمَسَاجِدِ.²

Terj: *Tidak akan bangkit hari Kiamat sehingga manusia berbangga-bangga pada masjid-masjid.*

Gejala yang menimpa pemikiran umat sekarang perlu dibendung dan diberi pemahaman seluas-luasnya agar tidak mensia-siakan matlamat pembinaan masjid itu. Kecantikan sesebuah bangunan masjid itu sebenarnya tidak mempunyai apa-apa perbezaan dan keistimewaan di sisi Allah s.w.t. Akan tetapi yang menjadi ukuran bagi sesebuah masjid itu di sisi Allah s.w.t, ialah pengertian konsep masjid yang sebenar, iaitu dari segi pengisian dan pentakmirannya sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah:

لِمَسْجِدِ أَسَسٍ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ فِيهِ رِحَالٌ
يَعْبُونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يَعْلَمُ الْمُطَهَّرِينَ.³

Terj: *Kerana sesungguhnya masjid (Quba' yang engkau bina wahai Muhammad), yang didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau bersembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan*

² Al-Sijistānī, *Sunan.., Kitāb al-Salāt, Bāb fi Bīnā' al-Masājid.*, bil.449., 1: 120.

³ S. Al-Taubah : A. 108.

(mensucikan) dirinya; dan Allah Mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin).

Firman Allah s.w.t lagi:

إِنَّمَا يَعْمَرُ مسجِدَ اللَّهِ مِنْ عَامِنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَعَاتَى
الزَّكُوْةَ وَلَمْ يَنْسِشْ إِلَّا اللَّهُ فَعْسَى أَوْلَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ
⁴
الْمَهْتَدِينَ.

Terj: Hanyasanya yang layak mema'murkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan memunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

Sebenarnya masjid itu tidak lebih daripada sebuah bangunan atau rumah suci tempat bersembahyang atau bersujud serta mengerjakan amal ibadat kepada Allah s.w.t, di samping menjadi lambang kerohanian dan kesucian Islam di muka bumi ini. Cantik atau buruknya sesebuah masjid itu bukanlah menjadi sukat-sukat atau alasan yang rasional dan relevan bagi menentukan kejayaan sesebuah masjid itu berfungsi atau berperanan menurut kehendak yang ditentukan oleh Islam. Akan tetapi, kejayaan sesebuah masjid itu menepati

⁴ Ibid., : A. 18.

konsepnya yang sebenar perlu dilihat dari dua sudut; iaitu pihak pentadbir masjid dan masyarakat setempat.

Masjid tidak akan cemerlang jika pihak pentadbir masjid tidak aktif untuk mengambil inisiatif ke arah kemajuan dan kegemilangan sesebuah masjid itu. Pihak masjid atau penyelia masjid atau pemimpin masjid atau Imam kepada masjid itu adalah amanah Allah *s.w.t* untuk mengawasi, menjaga, mencurak, mentadbir dan menentukan kejayaan sesebuah masjid itu menepati tujuan dan keperluan dalam mereformasikan perkembangan masjid yang sebenar. Tugas dan tanggungjawab para pemimpin masjid bukan hanya sekadar untuk menjadi Khatib dan Imam pada waktu-waktu sembahyang sahaja, akan tetapi peranan mereka adalah untuk masyarakat dalam menentukan keamanan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat berlandaskan pengajaran Islam yang dipelopori melalui budaya masjid. Sebab itu dalam sejarah Islam, Rasulullah *s.a.w* melarang imam masjid diberi kepada peribadi yang tidak berpengaruh dalam masyarakat setempat. Ini menunjukkan bahawa tugas imam itu memerlukan ketahanan mental dan fizikal dalam menghadapi suasana kehidupan dalam masyarakat, dan juga yang terpenting sekali ialah harus memiliki karisma sebagai pemimpin kerohanian masyarakat setempat. Sebagai contoh Rasulullah *s.a.w* pernah bersabda:

إذا كانوا ثلاثة فليorumهم أحدهم، وأحقهم بالامامة أقرؤهم.⁵

Terj: *Apabila bilangan mereka tiga orang (misalnya), hendaklah salah seorang dari mereka menjadi Imam, dan orang yang berhak di antara mereka menjadi Imam ialah yang lebih pandai membaca al-Quran.*

Bagi melihat secara terperinci syarat -syarat utama bagi melayakkan seseorang itu menjadi imam, telah dibahaskan dalam kitab *Qalyubi wa Umayrah*,⁶ seperti berikut:

1. Orang yang adil adalah lebih utama menjadi Imam daripada orang yang fasik.
2. Orang yang faqih lebih utama daripada orang yang banyak membaca al-Quran.
3. Orang yang warak lebih utama daripada yang lain kerana memuliakannya di sisi

Allah s.w.t.

4. Orang yang banyak membaca al-Quran lebih utama daripada orang lain.
5. Mendahulukan orang yang *faqih* dengan orang yang pandai membaca al-Quran

ke atas yang lebih umurnya dan yang baik keturunannya.

Jika ada persamaan di antara semuanya, maka pilihlah orang yang bersih pakaianya dan elok paras rupanya.

⁵ Muslim., *Sahih Muslim.*, *Kitab al-Masjid*, *Bab Man Ahaq bi al-Imāmah.*, bil. 289/672., 1: 389.

⁶ Syihab al-Din al-Qalyubi wa 'Umayrah., *Qalyubi wa Umayrah.*, Kaherah., 1918., jil. i., hal. 234, 235 dan 236.

7. Mendahulukan keturunan Bani Hasyim atau Bani Muttalib daripada keturunan Quarisy dan lainnya daripada golongan Arab yang lain.
8. Mendahulukan siapa yang berhijrah dahulu daripada orang yang akhir berhijrah.
9. Mendahulukan orang yang tinggal di tempat itu daripada orang lain.
10. Imam yang diberi gaji lebih utama daripada yang lain. Jika ia tidak hadir haruslah disuruh orang untuk mencarinya supaya ia dapat hadir, dan jika ditakuti hilang waktu baharulah diharuskan orang lain.
11. Pemerintah atau Kadi pada tempat kawasannya lebih utama daripada orang *faqih* dan pemilik rumah. Dan pemerintah lebih utama daripada imam yang diberi gaji di masjid. Jika dia seorang raja yang memberi kuasa atau izin kepada orang lain menjadi imam maka yang demikian itu tidaklah mengapa.

Mengutamakan kelayakkan untuk menentukan seseorang itu menjadi imam adalah jalan yang paling selamat untuk mewujudkan ses sebuah masjid itu terpilihara daripada salah laku yang tidak baik menjelama di masjid-masjid. Sebab itu Rasulullah s.a.w telah menekankan lagi dalam hadisnya yang lain sebagaimana sabdanya:

يَوْمَ الْقُرْوَةِ هُمْ لِكِتَابِ اللَّهِ فَإِنْ كَانُوا فِي الْقِرَاءَةِ سَوَاءٌ فَأَعْلَمُهُمْ بِالسَّنَةِ فَإِنْ كَانُوا فِي السَّنَةِ سَوَاءٌ فَأَقْدَمُهُمْ هَجْرَةً فَإِنْ

كـانوا فـي هـجـرة سـوـاء فـأـقـدـمـهـم سـلـمـاـ. وـلـاـ يـوـءـمـنـ الرـجـلـ الرـجـلـ فـيـ سـلـطـانـهـ. وـلـاـ يـقـعـدـ فـيـ بـيـتـهـ عـلـىـ تـكـرـمـهـ إـلـاـ يـأـذـنـهـ. قـالـ الأـشـجـ فـيـ روـاـيـتـهـ (مـكـانـ سـلـمـاـ) سـنـاـ.⁷

Terj: *Yang mengimami kaum itu ialah orang yang paling pandai membaca al-Quran di antara mereka. Jika mereka dalam bacaan al-Quran itu sama, maka yang paling mengerti dengan sunnah di antara mereka. Jika mereka dalam sunnah itu sama, maka yang dahulu hijrah di antara mereka. Jika mereka dalam hijrah itu sama, maka yang lebih dahulu masuk Islam di antara mereka; dan dalam satu riwayat mengatakan: yang lebih tua umurnya. Dan jangan sekali-kali seseorang mengimam seseorang dalam tempat kekuasaannya, dan tidak boleh dia duduk di rumahnya di tempat kehormatannya, kecuali dengan izinnya. Berkata al-Asyaj dalam riwayatnya, kedudukan dalam Islam itu ialah faktur umur.*

Melalui hadis yang tertera di atas, telah menggariskan bahawa kelayakan yang utama dalam menentukan seseorang menjadi Imam itu ialah seorang yang boleh membaca al-Qurān dengan baik, dalam erti kata yang luas, ialah orang lebih pandai membaca al-Qurān, lebih mengetahui hukum-hukum Syarak, lebih lama berhijrah dan lebih lama dalam Islam (lebih tua umurnya dalam Islam). Pada zaman Rasulullah s.a.w seorang qari adalah faktur penting yang mesti terdapat pada Imam, supaya mereka dapat menyampaikan wahyu al-Qurān dengan baik kepada umat yang celik wahyu. Qari yang disebutkan dalam

⁷ Muslim., *op cit.*, *Bab Man Ahaq bi al-Imāmat*., bil. 290/673., hal. 1: 389.

hadis Rasulullah *s.a.w* di atas mempunyai makna yang luas, iaitu bukan hanya pandai membaca al-Quran, tetapi pakar dalam ilmu-ilmu agama Islam.

Seseorang yang mempunyai kelayakan bertepatan dengan maksud hadis tersebut di atas, adalah satu pilihan yang tepat dalam menarajui sesebuah masjid itu. Kerana seseorang yang mempunyai jiwa yang benar-benar takut kepada Allah atau bertakwa kepadanya adalah orang-orang yang suka memandang kehadapan demi untuk kemajuan dan keutuhan agama Islam benar-benar dilaksanakan dan dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat khususnya melalui masjid.

Dalam kontek pentadbiran masjid zaman sekarang, Ahli Jawatankuasa pengurus dan pentadbir masjid seperti Imam, Khatib, Muazzin dan lain-lain hendaklah dipilih dan dilantik berdasarkan panduan yang ditetapkan oleh Islam. Yang terlebih layak di kalangan yang layak hendaklah dilantik atau yang terlebih baik di kalangan yang ada hendaklah diutamakan. Yang dimaksudkan dengan layak dan baik ialah mengikut ukuran dan kacamata Islam.⁸

⁸ Awang Haji Mahmud Saedon Bin Awang Othman., Prof. Dato' Dr., *Risalah al-Masjid*, hal. 60.

Bagi mewujudkan pentadbiran masjid yang bersistematik, pihak pentadbir masjid hendaklah mengutamakan dan bercita-cita untuk menjadikan masjid itu sendiri sebagai pusat pentadbiran ugama yang berpengaruh bagi kawasan mukim atau kampongnya. Masjid yang mempunyai pentadbir yang berwawasan sudah tentu dapat membentuk sesebuah masjid itu berperanan dan berfungsi sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Manakala seseorang pentadbir yang jumud, haruslah disingkir daripada mentadbir masjid kerana ia tidak menepati kelayakkan yang sebenarnya sebagaimana yang ditentukan oleh Islam, dan lebih-lebih lagi tidak mendatangkan faedah yang baik kepada masjid dan masyarakat. Di sini menunjukkan bahawa setiap pentadbir masjid itu mestilah menguasai ilmu yang luas bukan sahaja dalam bidang ugama tetapi juga peka kepada bidang-bidang yang lain seperti ilmu pengurusan dan pentadbiran serta yang lebih utama lagi ialah dapat mengikuti perkembangan teknologi maklumat masa kini. Pihak pentadbir masjid mestilah sentiasa mencari jalan untuk merealisasikan peranan masjid melalui sistem pentadbirannya dengan memperlihatkan kepada masyarakat kariahnya betapa masjid memerlukan kerjasama mereka dalam sama-sama memakmurkan masjid sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Kebijaksanaan pentadbir masjid ke arah ini, bukan saja menjadi tanggungjawabnya kepada kerajaan dan masyarakat akan tetapi juga mereka telah melaksanakan tanggungjawab utamanya terhadap Allah s.w.t sebagai pentadbir kepada rumah Allah di muka bumi ini.

Adalah menjadi tradisi sejak zaman berzaman, masjid dijadikan sebagai tempat perkumpulan orang-orang Islam pada setiap masa dan saat. Masjid dijadikan tempat masyarakat merancang keperluan-keperluan anak mukim untuk meningkatkan kehidupan bermasyarakat mengikut lunas-lunas yang ditetapkan oleh Islam. Maka disinilah peranan pentadbir-pentadbir masjid menabur bakti mereka dalam mencurak dan membudayakan masyarakat masjid kepada semua golongan masyarakat yang bermustautin di tempat tersebut. Pihak masjid dan Ahli Jawatankuasa masjid perlu mendekati dan mendampingi masyarakat dalam apa jua aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan keadaan, tanpa mengira pangkat, golongan, bangsa dan sebagainya, untuk sama-sama berganding bahu dalam menjayakan aktiviti tersebut. Ini bertujuan agar hubungan masyarakat dengan pihak masjid dan Ahli Jawatankuasanya tidak keterpisahan dan kesenjangan. Jalinan perhubungan yang baik antara kedua-dua pihak ini adalah faktor utama kearah mewujudkan situasi yang harmoni dalam membentuk kejayaan pentadbiran masjid yang berkesan. Tanpa adanya pentadbiran masjid yang berkesan dan dinamik, perkembangan dan pembangunan masyarakat masjid tidak akan menemui kemajuan dan kejayaan sebagaimana yang diharapkan oleh Islam. Ini bererti penglibatan masyarakat setempat adalah penting bagi menghidupkan pemakmuran masjid itu. Bahkan, setiap individu masyarakat setempat secara *fardu 'ain* adalah wajib dan bertanggungjawab kearah ini. Memasyarakatkan masjid boleh ditentukan oleh sikap pemegang amanah masjid atau

pemegang amanah masjid atau organisasi pentadbiran masjid itu, sekiranya mereka dapat mempositifkan peranan dan fungsi masjid di tengah-tengah masyarakat setempat.

Jika kita kembali pada zaman kegembilangan Islam, atau pada zaman kerohanian memuncak, umatlah yang mencari ulama. Tapi apabila kerohanian merosot, ulama pula wajib mendekati umat. Para Imam atau pentadbir masjid adalah harus berkerja keras dan memikirkan sedalam-dalamnya bagi mencari formula yang berkesan untuk mencari pengaruh di tengah-tengah masyarakat agar dapat menarik lebih ramai lagi jemaah masjid atau masyarakat yang peka akan peranan dan fungsi masjid yang sebenar. Bagi mempastikan program pengimaranan masjid yang berkesan dapat dilaksanakan melalui pengurusan dan pentadbiran di masjid-masjid, struktur pentadbiran masjid mestilah disusun dengan rapi dan teratur.

Pentadbiran masjid tidak akan berjaya jika pihak masjid atau masjid itu sendiri tidak dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan asas bagi menjalankan pentadbiran dengan baik dan licin. Tanggungjawab ini mestilah diwujudkan atas inisiatif pentadbir masjid dengan mencari jalan yang baik demi keutuhan masjid. Dengan adanya kemudahan-kemudahan pentadbiran seperti pejabat masjid, peralatan-peralatan yang lengkap dan sebagainya itu, pihak pentadbiran masjid termasuk Ahli jawatankuasanya tidak sepatutnya mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap masjid dan masyarakat.

Kerana masyarakat yang berdisiplin dan berakhhlak mulia itu, sudah tentu dapat diwujudkan melalui masjid.

:

Dalam kontek pentadbiran masjid-masjid khususnya di Negara Brunei Darussalam dan berdasarkan kajian yang telah dijalankan⁹ mendapati kesemua masjid di seluruh negara mempunyai atau disediakan bilik khusus untuk pentadbiran masjid dan sebahagiannya dikenali sebagai bilik Imam. Bilik-bilik tersebut memang disediakan bagi tujuan dan kemudahan imam atau pegawai-pegawai masjid melaksanakan tugas-tugas mereka di masjid-masjid sebagai memenuhi peraturan yang terkandung dalam Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1977¹⁰ bilangan 35, 36 dan 37 yang menyebutkan;

35. Adalah mustahak supaya pegawai-pegawai masjid selalu berada di masjid.

36. Sebagai panduan bagi masjid yang mempunyai Imam dan Bilal eloklah di aturkan mereka sentiasa berada di masjid secara bergilir, umpamanya seperti waktu-waktu berikut:-

I) 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

⁹ Kajian ini telah dibuat sendiri oleh penulis kepada 43 buah masjid seluruh negara termasuk masjid-masjid Negara, Utama, Mukim dan kampong pada 4hb.Mac, 1997 hingga 25hb. Mac, 1997.

¹⁰ Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid, Bil : 14/MU/JUB/12/1971, yang telah di perkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di Pertuan menerusi warkah Baginda bilangan HHPO 88/1965 bertarikh 24hb.September, 1977 atas nasehat Majlis Ugama Islam yang bersidang pada 25hb. Julai, 1977. Sila lihat Lampiran I.

- ii) 12.00 tengah hari hingga 1.30 petang.*
- iii) 3.00 petang hingga 4.30 petang.*
- iv) 6.00 petang hingga selepas sembahyang fardhu Isya' dan bagi bulan puasa hendaklah diakhirkan sehingga lepas bertadrus.*

37. Jika ada perayaan-perayaan yang diadakan di masjid maka semua pegawai masjid hendaklah menghadirinya.

Peraturan ini masih berjalan sehingga sekarang dan belum ada apa-apa pindaan mengenainya. Berdasarkan soal selidik atau kajian yang telah dijalankan, penulis mendapati bahawa peraturan atau panduan kerja pegawai-pegawai masjid ini tidak berjalan sepenuhnya, khususnya dalam peraturan yang tersebut di atas iaitu pada waktu siang hari kecuali bagi dua buah masjid negara yang waktu pentadbirannya berjalan mengikut waktu pejabat-pejabat kerajaan. Apabila ditanya kepada pegawai-pegawai masjid akan waktu pentadbiran mereka bermula, majoriti mereka memberikan jawaban sejam atau setengah jam sebelum dan selepas waktu-waktu sembahyang. Ini membuktikan bahawa waktu pentadbiran yang mereka jalankan di masjid-masjid hanyalah pada waktu-waktu mereka bertugas khususnya pada setiap waktu-waktu sembahyang lima waktu sahaja. Jika dilihat akan rasionalnya waktu-waktu pentadbiran yang mereka jelaskan itu, menunjukkan majoriti pegawai-pegawai masjid di Brunei tidak menjalankan pentadbiran mereka secara praktikal di masjid-masjid. Kelemahan dan kegagalan para pentadbir masjid mewujudkan pentadbirannya secara sistematik akan membawa kepada implikasi yang buruk kepada perkembangan agama Islam di Brunei. Gejala ini harus dibentras oleh

pihak-pihak bertanggungjawab supaya tidak menimbulkan kegawatan dalam membentuk semula peraturan yang disediakan. Perlu disedari, jika pihak masjid sendiri tidak mengambil perhatian sepenuhnya kepada tanggungjawab mereka terhadap peranan dan fungsi masjid yang sebenar, masjid tidak akan mencapai matlamatnya sebagaimana yang diharap-harapkan dan lebih-lebih lagi dituntut oleh Islam.

Dari kajian yang telah didapati, menunjukkan kurangnya penekanan pihak-pihak tertentu dan kepekaan pegawai-pegawai masjid itu sendiri akan pentingnya mewujudkan sistem pentadbiran masjid yang teratur di masjid-masjid berkenaan, sedangkan menjalankan pentadbiran masjid pada waktu-waktu yang tertentu itu, sebagaimana dalam peraturan atau paduan kerja pegawai-pegawai masjid banyak memberikan faedah dan kemanfaatannya kepada masjid dan masyarakat tanpa memberi gangguan kepada diri pentadbir masjid itu sendiri serta dapat membiasakan masyarakat setempat menghubungi pegawai-pegawai masjid pada waktu-waktu tertentu sahaja. Dengan cara yang demikian konsentrasi imam atau pegawai-pegawai masjid terhadap tugas-tugas mereka akan lebih terarah dan teratur mengikut perkembangan semasa.

4.2.2 Perlantikan Ahli Jawatan Kuasa Masjid

Kejayaan sesebuah masjid itu tidak akan kesampaian jika tidak ada kerjasama, sokongan serta bantuan dari pihak masyarakat setempat. Masjid sebagai sifatnya rumah ibadat atau rumah Allah, adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya kepada masyarakat sekelilingnya termasuk pengusaha-pengusaha yang ditugas pada masjid berkenaan untuk memakmurkannya sesuai dengan tuntutan yang ditetapkan oleh agama Islam. Kewajiban umat atau masyarakat itu dapat dilihat secara *fardu 'ain* khususnya bagi sembahyang berjemaah di masjid, sebagaimana disebutkan dalam sebuah *hadīth* Rasulullah s.a.w:

أَتَيْتُنِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ أَعْمَىٰ . فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ !
إِنَّهُ لَيْسَ لِي قَائِدٌ يَقْوِدُنِي إِلَى الْمَسْجِدِ . فَسَأَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُرِخْصَ لِهِ فِي الصَّلَاةِ فِي بَيْتِهِ . فَرَخْصَ لَهُ . فَلَمَّا وَلَى دُعَاءَهُ
فَقَالَ: هَلْ تَسْمَعُ النَّدَاءَ بِالصَّلَاةِ؟ فَقَالَ: نَعَمْ . قَالَ: فَأَحْبَبْ.

Terj: Telah datang kepada Nabi s.a.w seorang lelaki yang buta seraya berkata : Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya tidak mempunyai penuntun yang akan memuntun saya ke masjid. Lalu Nabi s.a.w memberi keringanan kepadanya untuk bersembahyang di rumahnya. Tatkala orang itu kembali, lalu baginda memanggilnya kembali seraya bertanya : Apakah engkau mendengar seruan azan ?.. Dia menjawab : Ya. Lalu Baginda bersabda: Wajib atas kamu.

¹¹ Muslim., *op cit.*, *Kitāb al-Masājid*, *Bāb Yajib Ityān al-Masjid 'ala man Sami'a al-Nidā'*, bil. 255/653., 1: 378.

Sesungguhnya hadis di atas menceritakan tentang seorang buta yang bernama Ibn Ummu Maktum¹² yang menyatakan kepada Rasulullah s.a.w tidak dapat hadir ke masjid kerana tidak ada orang yang menuntun beliau ke masjid, lalu Nabi s.a.w memberikan keringanan kepada beliau untuk tidak pergi ke masjid untuk sembahyang berjemaah. Dan setelah orang itu kembali, Baginda memanggilnya dan bertanya : Apakah kamu mendengar seruan azan atau iqamah ?.. Dia menjawab : Ya. Baginda bersabda : Wajib atas kamu untuk menghadiri sembahyang berjemaah ke masjid.

Keringanan yang diberikan secara mutlaq itu hanya terbatas, apabila seseorang itu mendengar seruan azan atau iqamah. Ini bererti jika seseorang itu tidak mendengar azan maka tidaklah menjadi kewajiban kepadanya untuk hadir berjemaah ke masjid kerana keuzuran, dan sebaliknya jika ia mendengar seruan azan maka kewajiban untuk berjemaah ke masjid adalah menjadi wajib ke atasnya sebagaimana maksud hadis tersebut.

وَمَنْ سَمِعَ النِّدَاءَ فَلَمْ يُبِيهِ، فَلَا صَلَاةَ لَهُ إِلَّا مِنْ عَذْرٍ.

Dalam hadis lain pula Rasulullah s.a.w bersabda:

من سمع النداء فلم يبيه، فلا صلاة له إلا من عذر.

¹² Al-San‘ani, *Subul.*, jil. ii., hal. 114.

¹³ Al-Daruqutni, ‘Ali Ibn ‘Umar al-Daruqutni, *Sunan al-Daruqutni*, *Kitab al-Salat*, *Bab al-Hith lijar al-Masjid ‘ala al-Salat fih illa min ‘Uzr.*, Beirut., 1994., bil. 1540., 1: 324.

Terj: *Barang siapa yang mendengar seruan azan lalu dia tidak datang berjemaah, maka tidak ada sembahyang baginya kecuali kerana keuzuran.*

Abu Daud juga telah meriwayatkan hadis dari Ibn Abbas tersebut dengan tambahan kelimat sebagai berikut:-

قالوا: وما العذر؟ .. قال : خوف أو مرض، لم تقبل منه الصلاة التي
¹⁴ صلی.

Terj: *Mereka (sahabat) bertanya : Apakah 'uzur itu?.. Baginda s.a.w menjawab : kerana takut, atau sakit, Allah tidak menerima sembahyangnya yang di dirikannya itu.*

Adapun 'uzur-'uzur yang membolehkan tidak sembahyang berjemaah itu sebagaimana dijelaskan di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud antaranya kerana hujan, angin, terlalu dingin, kerana memakan bawang dan makanan-makanan lain yang mempunyai bau yang kurang menyenangkan, maka orang seperti ini tidak perlu mendekati masjid. Ada yang mengatakan: bahawa larangan memakan makanan yang baunya kurang menyenangkan itu menyebabkan hilangnya kefarduannya dan orang yang memakannya itu adalah berdosa kerana menyebabkan dia harus meninggalkan ibadah wajib seperti sembahyang berjemaah itu. Akan tetapi bagi orang yang mengatakan

¹⁴ Al-Sijistānī, *op cit*, *Kitāb al-Salāt, Bāb fi al-Tasyid fi Tark al-Jamā'at*, bil. 551., 1: 148.

bahawa sembahyang berjemaah itu *fardu 'ain*, akan mengatakan gugur kewajiban sembahyang berjemaahnya di masjid kerana keuzuran itu, dan bukan gugur kewajibannya untuk sembahyang berjemaah di rumahnya.¹⁵

Konsep berjemaah yang diajarkan dan diwajibkan oleh Islam itu memberi makna bahawa kita sebagai masyarakat hendaklah bertanggungjawab membangunkan agama Islam serta berusaha dengan sedaya upayanya meninggikan syiarnya dengan tidak mengira tempat dan di mana sahaja kita berada. Rasulullah s.a.w mendirikan masjid adalah bagi tujuan tersebut dengan menjadikannya tempat mengumpul masyarakat Islam supaya bersatu padu menegakkan agama Allah semata-mata cinta dan taat kepadanya. Melalui konsep ini, mengajak kita sebagai masyarakat supaya lebih komited betapa masjid itu bukan milik sesiapa tetapi milik semua masyarakat Islam lebih-lebih lagi ia sebagai rumah Allah tempat manusia mencari kedamaian, ketenangan dan kesucian jiwa serta kebahagiaan hidup di dunia mahu pun di akhirat.

Berbakti kepada masjid bererti berbakti kepada Allah s.w.t, agama dan masyarakat. Masjid juga didirikan bertujuan untuk memberi peluang kepada masyarakat supaya berbakti kepadanya serta menimba segala amal kebajikan yang terdapat padanya di samping menuntut keredaan Allah s.w.t. Masjid sebagai sifatnya yang umum ini

¹⁵ Al-San'ani, *op cit*, hal. 413.

terkandong padanya berbagai-bagai kelebihan yang menguntungkan kepada manusia dalam apa juu aspek kehidupan masyarakat di dunia mahu pun di akhirat. Kelebihan dan keuntungan ini, hanya dapat diketahui dan dinikmati oleh orang-orang yang benar-benar tahu akan fungsi dan peranan masjid itu sendiri. Sabab itulah masjid didirikan semata-mata untuk kegunaan umum dan bukan sebaliknya. Adapun imam atau pegawai-pegawai masjid, mereka itu hanya ditugaskan, dilantik, diberi kepercayaan atau diberi kuasa atas dasar kelayakkannya untuk mengetuai segala hal ehwal keagamaan serta mentadbir masjid di kawasan-kawasan yang telah ditetapkan. Di Brunei, tugas-tugas asasi yang dipertanggungjawabkan ke atas imam-imam ialah:

Mana-mana Pegawai Masjid bagi mana-mana masjid adalah berkewajiban seperti berikut:-

- a). *Hendaklah bertanggungjawab kerana menjaga perjalanan dan aturan yang baik bagi masjid itu;*
- b). *Hendaklah bertanggungjawab kerana menjaga kesopanan anak-anak mukim masjid itu dalam perkara-perkara berhabit dengan ugama; dan*
- c). *Hendaklah ia memberi tahu dengan segera perkhabaran kepada Majlis di atas segala perkara-perkara yang berlaku di dalam mukim masing-masing yang berkehendakkan pandangan majlis atau pengetua.¹⁶*

¹⁶ Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1977., bil.10.

Walaupun tugas dan tanggungjawab imam atau pegawai-pegawai masjid itu luas sekali, namun tugas tersebut tidak boleh dipikul oleh imam itu sendirian melainkan dengan bantuan dan kerjasama daripada pihak masyarakat setempat. Begitulah juga dalam soal-soal harian yang bersangkutan dengan keagamaan dan kemasyarakatan perlu melibatkan tokoh-tokoh, golongan elit, 'alim 'ulama' dan sebagainya yang berkemungkinan tinggal di mukim masjid tersebut dijadikan sebagai penasihat atau dilantik sebagai Jawatankuasa Masjid mukimnya.

Di dalam buku Panduan kerja Pegawai-Pegawai masjid 1977 ada menyebut seperti berikut:-

57. *Adalah bijak bagi Imam berusaha dengan budi bicaranya dan berunding dengan ketua kampong bagi memulihkan Jawatankuasa Masjid jika Jawatankuasa itu belum terbentuk.*

58. *Jawatankuasa masjid itu perlulah terdiri dari kumpulan orang-orang yang di lantik oleh anak mukim masjid untuk memegang jawatan-jawatan seperti berikut:-*

- 1. Pengurus.*
- 2. Naib Pengurus.*
- 3. Setia Usaha.*
- 4. Penolong Setia Usaha.*
- 5. Bendahari.*
- 6. Penolong Bendahari.*
- 7. Beberapa orang ahli-ahli Jawatankuasa.*
- 8. Dua orang pemereksa kira-kira.*

Perlantikan Jawatankuasa Masjid ini antara lain bertujuan seperti berikut:-

66. *Jawatankuasa Masjid adalah menjadi penasihat kepada Pegawai-Pegawai Masjid bagi kesempurnaan perjalanan Masjid dan memajukannya serta hal ehwal kebijakan mengenai dengan masjid itu.*

67. *Jawatankuasa Masjid sayugia mengambil berat mengenai dengan hal ehwal keugamaan di dalam mukim masjid itu.*

68. *Jawatankuasa Masjid sayugia mengambil berat mengenai dengan kehadiran anak-anak mukim masjid itu pada menunaikan ibadat di masjid khasnya sembahyang Jumaat di masjid itu.*

69. *Adalah menjadi kewajiban Imam untuk selalu berunding dan berkerja sama dengan Jawatankuasa Masjid mengenai dengan hal ehwal masjid untuk mendapatkan nasihat dan buah fikiran yang berkebijakan untuk kebijakan masjid.*

70 *Dalam pada itu mengenai dengan perkara-perkara pentadbiran dan kewajiban yang telah ditentukan kepada Imam dan Pegawai-Pegawai Masjid maka perkara-perkara yang sedemikian yang hanya boleh di rundingkan oleh Jawatankuasa Masjid ialah pada mengelokkannya lagi dan pada mencapai kesempurnaannya.¹⁷*

Sebenarnya perlantikan Jawatankuasa Masjid ini, bukanlah untuk mentadbir atau berkuasa sepenuhnya kepada masjid itu sehingga mengetepikan kuasa-kuasa Imam atau

¹⁷ *Ibid.*

Pegawai-Pegawai Masjid di masjid tersebut. Akan tetapi Jawatankuasa Masjid itu sebagaimana yang disebutkan dalam Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid hanyalah sebagai penasihat yang sentiasa memberikan buah fikiran yang bernes dan baik, demi kebajikan masjid dan masyarakat setempat. Jawatankuasa Masjid hanya dapat membuat satu-satu tindakan jika mereka diberi mandat oleh ketua pentadbir masjid iaitu Imam dan atas persetujuan bersama atau muafakat antara Imam dan Ahli-Ahli Jawatankuasa yang lain. Sistem musyawarah dan permuafakatan adalah satu-satunya *sunnah* Rasulullah s.a.w dan para sahabat yang mesti dijalankan di masjid, kerana ia adalah merupakan teras kepada kejayaan dan kecemerlangan sesuatu organisasi itu. Masjid bukan tempat pertengkaran atau pergaduhan, tetapi masjid itu adalah tempat untuk mendapat sesuatu keberkatan daripada hasil permusyawaratan yang diadakan di samping untuk mendapat keredaan Allah s.w.t agar segala tindak-tanduk kita akan mendapat kejayaan dengan cemerlang.

* * *

Memandangkan buku Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1977 ini belum diperbaharui atau dipinda secara rasmi, maka bagi pandangan penulis adalah perlu bagi Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, mengkaji dan mengubal semula peraturan ini atau membuat pindaan mengikut kesesuaian masa sekarang semata-mata untuk mengemaskinikan pentadbiran masjid yang lebih aktif, produktif dan berinovatif.

Dalam menangani isu-isu semasa, tugas Jawatankuasa Masjid harus diperluaskan skopnya dengan lebih terperinci lagi sehingga melibatkan semua golongan yang ada dalam kelompok masyarakat setempat menyertai atau melibatkan diri untuk menjawat salah satu daripada Pengerusi Jawatankuasa Masjid, atau sekurang-kurangnya Jawatankuasa Kecil yang sesuai dengan kedudukan dan taraf mereka. Sebagai contoh setiap masjid perlu menwujudkan Jawatankuasa-Jawatankuasa seperti berikut:-

I). Jawatankuasa Kewangan

Pengerusi Jawatankuasa ini mestilah dipilih di kalangan orang yang pakar dalam bidang kewangan dan pentadbirannya serta ikhlas dalam menyumbangkan tenaga dan buah fikiran semata-mata kerana Allah s.w.t. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam memperkuuhkan sumber kewangan masjid dan mempelbagaikannya serta menyediakan anggaran perbelanjaan dan mengawalnya.

ii). Jawatankuasa Pendidikan dan Dakwah

Jawatankuasa ini bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program-program pendidikan Islam khususnya seperti, kepada kanak-kanak dan penuntut-penuntut di peringkat sekolah menengah, rendah dan pra-sekolah. Di samping itu juga jawatankuasa ini merancang dan melaksanakan program dakwah kepada

golongan belia, wanita dan masyarakat umum dalam kariah masing-masing. Ini termasuklah mengadakan program pengajian ugama, kursus-kursus dan sembutan hari kebesaran Islam, serta menerbit dan mengedarkan bahan-bahan bacaan dan tuntutan yang sesuai. Selain daripada itu juga jawatankuasa ini harus merancang program pendidikan umum seperti bidang pertanian, perikanan, perniagaan dan sebagainya, terutama bagi golongan-golongan tua, petani, nelayan dan lainnya yang bersangkutan dengan aktiviti-aktiviti yang biasa dilakukan oleh masyarakat setempat, agar semua golongan masyarakat tidak terpencil dalam sama-sama mentakmirkan masjid serta mengikuti aktiviti-aktiviti yang dianjurkan melalui masjid ini.

iii). Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat

Tugas utama jawatankuasa ini adalah berperanan pada memberi perhatian dan merancang serta melaksanakan program dalam bentuk memberi pertolongan kepada masyarakat yang kurang bernasib baik seperti anak-anak yatim, fakir miskin, orang-orang tua, mereka yang ditimpa kesusahan dan sebagainya. Sumbangan yang boleh diberikan oleh jawatankuasa ini termasuklah bantuan kebendaan, khidmat nasihat serta bimbingan dan tunjuk ajar. Jawatankuasa ini juga berperanan pada mengadakan kursus-kursus, seminar-seminar atau forum-forum yang bersesuaian dengan kehendak masyarakat setempat, seperti kursus

keluarga bahagia, motivasi dan sebagainya. Di samping itu juga, jawatankuasa ini bertanggungjawab pada mewujudkan beberapa pasukan sukarelawan masjid untuk kepentingan suka-duka di dalam kawasan mukimnya, seperti memandikan dan mengkafan mayat, menggali kubur, kumpulan dikir *Syarf al-Anam* bagi majlis-majlis perkahwinan dan sebagainya yang bersangkutan dengan kebijakan masyarakat.

iv). Jawatankuasa *Riyadah* (Sukan)

Para belia adalah yang paling layak dilibatkan menarajui jawatankuasa ini, kerana tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini lebih cenderung kepada penglibatan para belia secara keseluruhannya. Jawatankuasa ini bertanggungjawab pada merancang dan melaksanakan program-program seperti bergotong-royong, rekripsi, kesukanan, lawatan sambil belajar, kesenian dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti seumpama ini adalah perlu diberi perhatian oleh pihak masjid dan diwujudkan melalui masjid bagi mendekatkan lagi seberapa ramai yang mungkin kehadiran golongan belia yang cinta kepada masjid. Dengan yang demikian, pihak masjid perlu mengadakan dan menyediakan kemudahan sukan seperti gelangan sepak takraw, badminton dan sebagainya bagi tujuan yang tersebut.

v). Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita

Walaupun pada dasarnya wanita tidak diberatkan ke masjid kecuali dengan izin suami atau walinya dengan memenuhi syarat-syarat tertentu. Menurut Al-Imam al-Nawawi¹⁸ bahawa wanita boleh pergi ke masjid apabila mereka dapat memenuhi syarat-syarat tertentu. Berdasarkan beberapa hadis, maka para Ulama membuat kesimpulan seseorang wanita boleh ke masjid apabila memenuhi syarat-syarat berikut:-

- a) Tidak boleh memakai perhiasan
- b) Tidak boleh memakai wangi-wangian
- c) Jangan berpakaian yang cantik serta menjolok mata
- d) Tidak boleh memakai gelang kaki yang berbunyi
- e) Kedatangannya ke masjid tidak menimbulkan fitnah, misalnya memakai pakaian menyerupai lelaki dan lain-lain
- f) Semasa di masjid tidak bercampur bebas dengan lelaki
- g) Tidak timbul fitnah ketika perjalanan ke masjid atau semasa pulang dari masjid.

¹⁸ Abd al-Halīm Mahmūd., al-Imām., *Fatāwā al-Imām 'Abd al-Halīm Mahmūd*, Kaherah., Juz i, cet. ii., hal. 184.

Wanita yang telah bersuami atau mempunyai penjaga, jika mereka dapat memenuhi syarat-syarat tersebut bolehlah ke masjid, dan melarangnya adalah hukumnya *makruh tanzih*. Bagi wanita yang tidak mempunyai suami atau penjaga maka melarangnya adalah hukumnya haram.¹⁹ Ini berdasarkan sebuah hadis daripada Ibn ‘Umar *r.a* bahawa Rasulullah *s.a.w* bersabda;

لَا تَنْعِرُوا إِمَاءَ اللَّهِ مَسَاجِدَ اللَّهِ.²⁰

Terj: *Jangan kamu melarang hamba sahya Allah (kaum wanita) pergi ke masjid.*

Dalam hadis yang lain daripada Ibn ‘Umar *r.a* dia berkata: Nabi *s.a.w* bersabda:

إِذَا اسْتَأْذَنْتُكُمْ نَسَاءٌ وَكُمْ بِاللَّيلِ إِلَى الْمَسْجِدِ فَأَذْنُوْهُنَّ.²¹

Terj: *Apabila isteri kamu meminta izin hendak ke masjid, maka hendaklah kamu mengizinkan mereka.*

Dari keterangan hadis-hadis di atas nyatalah keharusan bagi wanita untuk melibatkan diri mereka ke masjid-masjid. Lebih-lebih lagi pada zaman sekarang

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ Al-Bukhārī, *Sahīh.., Kitāb al-Jumu‘at, Bāb Hal ‘ala man lam Yasyhad al-Jumu‘at Ghūsl, min al-Nisā’ wa al-Sibyān wa Ghairihim.*, bil. 900., 1: 268.

²¹ *Ibid., Kitāb al-Adhān, Bāb Khuruj al-Nisā’ ila al-Masājid bi al-Lāl wa al-Ghalas.*, bil. 865., 1: 261.

kaum wanita adalah perlu dengan lebih aktif bagi mengisi masa lapang mereka untuk berkunjung ke masjid bagi tujuan mengikuti aktiviti-aktiviti masjid yang dikhkusukan kepada mereka. Perlunya kaum wanita ikut serta dalam sama-sama memajukan pentadbiran masjid ini, adalah kerana dalam kontek perkembangan dunia masa kini dan globalisasi, wanita juga tidak kurang terdedah dari menghadapi gejala-gejala sosial yang tidak sihat yang menimpa dan akan menimpa kehidupan mereka sehari-hari. Oleh itu, bagi menghadapi cabaran-cabaran ini pihak masjid perlu memberikan ruang bagi golongan ini dengan menubuhkan jawatankuasa bagi kaum wanita dalam pentadbiran masjid untuk mereka merancang dan melaksana program-program yang bersesuaian dengan mereka melalui masjid.

Dalam menghadapi era globalisasi dan perkembangan dunia masa kini, peranan masjid mesti diperkembangkan selari dengan perkembangan tersebut. Tugas pentadbiran masjid perlu diperluaskan skopnya bagi menepati kehendak agama, masa dan masyarakat setempat. Semua urusan masyarakat yang berhubung dengan agama hendaklah dirujuk kepada pihak masjid atau Imam dipejabatnya iaitu di masjid, dan bukan di rumah Imam, kecuali pada masa-masa tertentu sahaja, iaitu di luar waktu pejabat. Pentadbiran masjid yang bersistamatek seperti ini, akan memudahkan lagi perhubungan masyarakat dengan pihak masjid secara dekat dan yang lebih penting sekali masjid setentunya mendapat

perhatian yang padu serta tidak akan sunyi dari dikunjungi dan didatangi oleh masyarakat sebagai pusat pentadbiran Islam di sesuatu tempat itu. Berbagai masalah boleh diselesaikan melalui masjid jika pihak masjid dapat mengambil inisiatif yang positif kearah ini. Masjid tidak sepatutnya kosong begitu sahaja tanpa adanya pegawai masjid atau pihak masjid yang bertugas di dalamnya, kerana untuk memasyarakatkan masjid itu perlu mempunyai perancangan-perancangan yang bersepadau sesuai dengan keadaan masa, tempat dan agama. Permesyuaratan, permuzakarahan dan perbincangan dalam menangani isu-isu yang berbangkit dan sebagainya mestilah diadakan dan diselesaikan di masjid. Sebenarnya sebuah masjid yang berpengaruh itu terletak dan ditentukan oleh sikap dan peribadi pihak masjid dan Imamnya dalam berkomunikasi dengan masyarakat.

Dalam hal ini, para Imam harus mengambil inisiatif yang bijak untuk berbincang dengan masyarakat masjid terutama golongan intelek²² kariah mereka supaya mereka sama-sama berganding bahu dan ikut serta menabur bakti semata-mata kerana Allah s.w.t untuk memajukan dan menjayakan perancangan-perancangan yang dibuat oleh masjid.

²²Golongan intelek itu ialah termasuk ahli-ahli akademik, pegawai-pegawai kerajaan dan swasta, penghulu dan ketua kampong dan bekas pegawai-pegawai kerajaan dan swasta yang bersara.

4.2.3 Tugas-Tugas Pentadbir Masjid dan Ahli Jawatankuasa Masjid

Masjid tidak akan terurus jika tidak mempunyai pengurus atau pentadbirnya tersendiri. Begitu juga masjid tidak akan hidup atau berfungsi sekiranya tidak dibantu oleh sikap hormat dan prihatin masyarakat sekitarnya terhadap peranan dan fungsi masjid yang sebenarnya. Sebab wujudnya masjid itu adalah bagi tujuan kepentingan masyarakat supaya hidup bersatu padu dan beramal ibadat kepada Allah s.w.t dengan tenang dan selesa.

Bagi menghidupkan sesebuah masjid itu mencapai matlamatnya, sesebuah masjid itu perlu terlebih dahulu dikuatkan dengan kewibawaan pihak pentadbiran masjid yang berpengaruh semata-mata untuk menarik minat masyarakat setempat berganding bahu menghidupkan atau mema'murkan masjid itu sebagai tanggungjawab bersama. Penanaman sikap sebegini serta keahaman mendalam masyarakat akan makna dan tujuan pembinaan masjid dalam Islam itu, adalah menjadi teras kepada wujudnya integrasi antara kerajaan, pentadbir masjid dan Ahli Jawatankuasa Masjid dalam sama-sama membangun masjid sebagai rumah Allah sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Dengan wujudnya kombinasi ini, tidak mustahil masjid akan mempunyai pentadbiran yang kuat dan sihat serta dapat memberikan perkhidmatan yang selesa dan menyenangkan kepada setiap pengunjungnya apabila mereka berada di masjid tersebut.

Pentadbiran dan pengurusan masjid yang cekap adalah menjadi idaman setiap masyarakat yang ingin melihat dan memahami akan kebenaran tujuan daripada pembinaan masjid yang sebenarnya. Maka contoh tauladan yang menggambarkan pengertian masjid yang sebenar haruslah dijadikan asas utama kepada pentadbiran masjid. Pentadbir dan Ahli Jawatankuasa Masjid adalah orang-orang yang penting untuk merealisasikan peranan masjid dalam tindak-tanduk mereka pada mentadbir masjid dengan teratur dan bersistematik. Menaruh kepercayaan kepada masyarakat dalam ertikata *mahabbah* dan juga hubungan *silaturrahim* yang utuh adalah sifat yang terbaik dan berkesan untuk menarik minat masyarakat membantu pembangunan sesebuah masjid itu.

Sebagai pentadbir dan orang-orang yang mendapat kepercayaan untuk meneraju masjid sama ada oleh kerajaan maupun masyarakat setempat (jemaah masjid), mereka haruslah menunjukkan dan menjalankan tanggungjawab ini dengan sesuatu yang terbaik, kerana mereka juga adalah di antara orang-orang yang terbaik dan terpilih di kalangan mereka. Tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka itu adalah merupakan amanah agama, kerajaan dan juga masyarakat. Bagi mempestikan sesebuah masjid itu menjalankan pentadbiran masjid dengan berkesan dan bersistematik dapat dilihat dari berbagai sudut atau aspek. Di antaranya ialah:

- i. Masjid sentiasa dikunjungi oleh masyarakat setempat.
- ii. Hubungan masyarakat dengan pentadbiran masjid sentiasa terjalin.
- iii. Mewujudkan warga masjid yang sihat dan bertanggungjawab.
- iv. Pemerhatian pihak masjid terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat setempat diutamakan.
- v. Mengutamakan keselesaan jemaah di dalam masjid, seperti menjaga kebersihan di dalam dan luar masjid dan sebagainya

- vi. Mempunyai sistem penjadualan kerja yang baik serta waktu pentadbiran yang sesuai dengan keadaan masa.
- vii. Mempunyai peralatan pentadbiran yang lengkap dan canggih seperti terdapatnya sistem teknologi maklumat, sistem pemfailan yang tersusun dan sebagainya.
- viii. Kerap mengadakan permesyuaratan dan permuzakarahan dengan Ahli-Ahli Jawatankuasa dan juga masyarakat setempat pada tiap-tiap minggu dan bulan.
- ix. Dapat mengendalikan minit-minit mesyuarat dengan baik dan tepat pada waktunya.
- x. Mempunyai penyusunan jadual aktiviti-aktiviti masjid yang teratur dan berkesan.

- xi. Dapat menyediakan keperluan-keperluan umum yang sentiasa berfungsi seperti dewan serbaguna, perpustakaan yang lengkap, bilik belajar, gelangan permainan dan sebagainya.

Kefahaman terhadap tugas masing-masing adalah asas kepada kejayaan mewujudkan kerjasama dalam organisasi pentadbiran masjid. Pihak pentadbir masjid yang terdiri daripada Imam, Bilal dan pekerja-pekerja lain yang ditugaskan oleh kerajaan di masjid-masjid adalah mempunyai tanggungjawab terhadap kerajaan dan juga masjid. Manakala jawatankuasa masjid pula hanya bertanggungjawab terhadap masjid sahaja yang berperanan sebagai membantu atau memberi nasihat kepada pentadbir masjid kariahnya untuk mengemaskinikan perjalanan pentadbiran sesuai dengan suasana dan keadaan sekelilingnya, di samping sebagai jemaah masjid yang wajib menghadiri masjid di kawasannya. Jawatankuasa masjid yang sifatnya membantu pentadbiran masjid untuk memajukan masjid sebagai tempat yang suci dan sumber kepada kekuatan Islam di muka bumi ini, mestilah menyedari bahawa tugas mereka kepada masjid itu bukanlah kerana menunjuk-nunjuk akan kebolehan mereka atau cuba untuk menguasai atau menggugat kebolehan pentadbir masjid, akan tetapi usaha mereka itu hendaklah ikhlas kerana Allah yang semestinya mengharapkan balasan yang baik daripada Allah, kerana mereka itu tergolong daripada kalangan orang-orang yang ingin membersihkan diri atau memakmurkan masjid Allah. Menjaga hubungan yang baik antara pentadbir masjid

dengan ahli jawatankuasa masjid adalah penting kerana ia boleh mempengaruhi masyarakat dalam sama-sama menjayakan peranan dan fungsi masjid yang sebenar.

:

4.3 Pembangunan Masjid

Pembangunan masjid adalah merupakan *sunnah* Rasulullah s.a.w yang diperintahkan kepada umat Islam untuk mendirikannya di mana-mana sahaja adanya duduk orang-orang Islam di sesuatu tempat atau kawasan itu. Masjid telah wujud sejak 14 abad yang lalu kekal menjadi tempat keagungan dan kebanggaan orang-orang Islam sehingga ke hari ini. Kehebatan masjid juga masih disanjung dan dijadikan sebagai simbol kekuatan syiar Islam yang tetap dihormati oleh setiap masyarakat Islam. Sebab itulah, Islam itu sering dikaitkan dengan pembangunan masjid.

.....

Di Negara Brunei Darussalam, pembangunan masjid adalah menjadi matlamat kerajaan dalam mengukuhkan kestabilan hidup beragama yang taat kepada Allah, Rasul dan Pemerintah. Meskipun Brunei termasuk sebuah negara yang kecil di rantau ini, serta menpunyai bilangan penduduknya yang sedikit, menegakkan Islam dalam sistem pemerintahannya adalah satu keutamaan. Ini dapat kita lihat apabila pembangunan masjid-masjid di seluruh negara dimasukkan ke dalam perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negera

di samping tidak mengabaikan hak orang-orang Islam untuk berwakaf dan beramal kebajikan padanya.

Bagi menjadikan masjid benar-benar mencapai matlamatnya, pembangunan masjid telah pun diatur dan dirancang berdasarkan kepada perkembangan penduduk di sesuatu kawasan itu. Jelasnya, masjid tetap dibangunkan bagi memenuhi keperluan masyarakat untuk beribadat kepada Allah s.w.t.

4.3.1 Kedudukan Masjid

Pembangunan masjid adalah merupakan tuntutan kepada orang-orang Islam di mana sahaja mereka berada. Tuntutan ini dapat kita lihat melalui perintah yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w daripada ‘Aisyah r.a sebagai berkata:

أَمْرَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِبَنَاءِ الْمَسَاجِدِ فِي
الدُورِ وَتَنْظِيفِ وَتَطْبِيبِ.²³

Terj: *Rasulullah s.a.w telah memerintahkan untuk membangunkan masjid-masjid di kampung-kampung dan supaya di bersihkan dan di wangikan.*

²³ Al-Sijistani, *op cit*, *Kitab Salat, Bab Itikhadz al-Masajid fi al-Daur*, Kaherah., 1988., bil. 455., l: 122.

Membangun dan mendirikan masjid itu adalah hukumnya sunat sahaja, meskipun ianya merupakan perintah daripada Rasulullah s.a.w. Walau bagaimanapun Al-Imam Al-Hanabilah berpendapat : Bahawa mendirikan dan membangunkan masjid itu di kampong-kampong, kota-kota dan tempat tinggal orang-orang Islam itu adalah hukumnya wajib iaitu fardhu kifayah.²⁴

Perintah untuk membangunkan masjid-masjid di kampong-kampong itu adalah sangat dituntut oleh Islam, kerana masjid itu sendiri didirikan atas dasar taqwa kepada Allah s.w.t, di mana dalamnya adalah tempat orang-orang Islam beribadat mensucikan diri dengan mengingati Allah s.w.t. Apabila masjid didirikan maka ia bukanlah menjadi hak milik seseorang tetapi ianya adalah menjadi rumah Allah tempat orang-orang Islam bersujud serta beramal ‘ibadat kepadanya.

Jika dilihat kepada sejarah pembinaan masjid pada zaman Rasulullah s.a.w, masjid lebih merupakan tempat perkumpulan orang-orang Islam dan perpaduan umat dan yang lebih tepat lagi ialah sebagai tempat orang-orang Islam bersembahyang berjemaah bersama Rasulullah s.a.w. Maka berdasarkan kepada inilah, diperintahkan supaya orang-orang Islam mendirikan masjid-masjid di tempat-tempat dan kawasan-kawasan tinggalnya

²⁴ Jad al-Haq ‘Ali Jad al-Haq, Al-Syeikh., *Buhūth wa-Fatawā...*, hal. 451 dan 452.

ramai orang Islam kerana tuntutan sembahyang berjemaah. Al-Imam al-Nawawi berkata : Yang lebih *sahīh*, adalah sembahyang berjemaah itu adalah hukumnya fardu kifayah bagi kaum lelaki baligh yang merdeka dan bermukim, khususnya pada sembahyang tunai sahaja. Kerana berjemaah itu dapat menambahkan syiar di tempat mana sembahyang itu dilaksanakan.²⁵

Terdapat tiga pendapat pada menetapkan hukum sembahyang berjemaah itu, ialah:

1. Sembahyang berjemaah pada sembahyang fardu lima waktu selain fardu Jumaat adalah sunat muakkadah (di tuntut), sebagaimana sabda Rasulullah *s.a.w.*

صَلَاةُ الْجَمِعَةِ تَفْضِيلٌ صَلَاةِ النِّذْنِ سَبْعٌ وَعَشْرَيْنِ درجةً.

Terj: *Sembahyang berjemaah itu lebih utama daripada sembahyang bersendirian dengan 27 darjah.*

Sunnat muakkadah ini tidak jatuh kepada kaum perempuan sebagaimana dihukumkan kepada kaum lelaki, maka makruh bagi mereka meninggalkannya dan tidak kepada kaum perempuan.

²⁵ Al-Dimyātī, Al-Sayīd al-Bakri Ibn al-Sayīd Muhammad Syaṭṭā al-Dimyātī al-Masrī, *I'ānāt al-Talibiyān*, Makkah., t.t., jil. 2., hal. 4.

²⁶ Al-Bukhārī, *Sahīh.., Kitāb al-Adhān, Bāb Fadl Salāt al-Jamā'at..*, bil. 645., 1:206.

2. Dikatakan, *fardu kifayah* bagi lelaki bersembahyang berjemaah di masjid untuk menunjukkan syiar di kampong itu. Sebagai contoh, di dalam sebuah kampong yang kecil maka memadai lah mendirikannya di tempat tinggal mereka, dan jika di kampong yang besar atau kota hendaklah didirikan sembahyang berjemaah pada tempat yang khusus dan mudah untuk dikunjungi oleh para jemaah, dan jika lau mereka mendirikan di rumah-rumah mereka maka tidak jatuh *fardu kifayah* itu. Dan jika mereka menegahnya daripada mendirikan sembahyang maka mereka itu wajiblah dibunuh.

3. Dikatakan juga, sembahyang berjemaah itu *fardu 'ain*, tetapi bukan menjadi syarat sah bagi sembahyang sebagaimana disebutkan dalam *Syarh al-Muhadhdhab*.²⁷

Dari keterangan di atas jelas pentingnya sembahyang berjemaah didirikan di sesebuah tempat itu sebagai syiar tegaknya Islam di tempat berkenaan. Ini menunjukkan bahawa masjid memainkan peranan yang penting ke arah ini dengan mendirikannya sesuai pada tempat dan suasana perkampongan atau kariah itu.

²⁷ Al-Dimyātī, *op cit.* Lihat juga Qalyūbī wa 'Umaiyyrah., *op cit.*, hal. 220 dan 221.

Bagi menetapkan kedudukan masjid yang sesuai di sesuatu tempat itu, di Negara Brunei Darussalam, telah diterbitkan sebuah buku Garispandu Pembinaan Masjid²⁸ yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Syara'iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, untuk menyelaraskan pembangunan infrastruktur masjid-masjid di seluruh negara. Dalam buku tersebut menyebutkan;

8.0 Tempat Pembinaan

8.1 Hendaklah dipilih satu tapak tanah yang sesuai dan strategik dan bertepatan dengan kehendak hukum syarak.

8.2 Kedudukan tapak tanah itu hendaklah strategik dan sesuai dan mempunyai infrastruktur yang baik.

8.3 Keluasan tapak hendaklah tidak kurang 3 ekar atau 4 ekar bagi masjid mukim.

Jika diperhatikan hadis Rasulullah s.a.w di atas menjelaskan bahawa perintah mendirikan masjid di kampung-kampung itu adalah bertujuan agar masjid-masjid itu dibuat dan didirikan di tengah-tengah perkampungan serta mudah untuk dikunjungi oleh masyarakat kampong dan orang ramai. Kerana kedudukan masjid itu menunjukkan syiar

²⁸ *Garispandu Pembinaan Masjid* Jabatan Hal Ehwal Syara'iah, KHEU, sebuah buku yang telah di perkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menerusi warkah bil: HHPO 14/1965/11 bertarikh 21hb Ogos, 1991. Sila Lihat Lampiran II.

kepada kampong itu. Mendirikan masjid juga adalah lebih utama dari yang lain-lainnya, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

أَحَبُّ الْبَلَادِ إِلَى اللَّهِ مَا جَدَهَا وَأَبْغَضُ الْبَلَادِ إِلَى اللَّهِ
مَا وَاهَدَهَا.²⁹

Terj: *Negeri yang paling disukai oleh Allah ialah masjid-masjidnya, dan negeri yang dibenci oleh Allah ialah pasar-pasarnya.*

Kedudukan masjid yang strategik adalah faktor utama menjadikan sesebuah masjid itu menjadi makmur dan sentiasa didampingi oleh masyarakat.

4.3.2 Struktur Pembinaan Masjid

Di Negara Brunei Darussalam pembinaan masjid pada umumnya dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan atau dimasukkan ke dalam Rancangan Kemajuan Negara. Namun begitu, peluang untuk orang-orang Islam berwakaf adalah lebih diutamakan dan

²⁹Muslim., op cit., *Kitāb al-Masājid wa Mawādi‘ al-salāt*, *Bāb fadl al-Julūs fi Musalāh Ba‘d al-Subh wa Fadl al-Masājid*, bil. 288/671., 1:388.

tertakluk kepada peruntukan Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Pindaan 1984 yang menyebutkan;

124 (1) Tiada siapa pun boleh mendirikan mana-mana masjid atau mewakafkan atau menggunakan sebaliknya mana-mana bangunan yang ada, sebagai atau bagi maksud-maksud sebuah masjid, tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.

(2) Kebenaran demikian tidak boleh diberikan kecuali tapak bagi cadangan masjid baru itu telah, atau sebelum dibangunkan wakaf daripadanya, dijadikan wakaf.

Berdasarkan kepada Akta tersebut pembinaan masjid tidaklah boleh sewenang-wenangnya didirikan oleh mana-mana pihak tanpa mendapat kebenaran dan makluman daripada Majlis Ugama Islam. Akta ini bertujuan untuk mengawal dan memastikan kedudukan pembinaan sesebuah masjid itu dibangunkan bersesuaian dengan kehendak syarak dan juga keperluan sesebuah kampong atau mukim itu.

Dalam suasana keghairahan hidup beragama di kalangan masyarakat Brunei pada masa mutakhir ini, rancangan pembinaan masjid-masjid baru di seluruh negara telah pun dipertingkatkan agar ia dapat memenuhi cita rasa masyarakat yang benar-benar melahirkan unsur-unsur tamaddun Islam yang tulen khususnya dari segi seni binanya dan juga struktur pembinaannya. Ilham dan idea ini telah pun disarankan oleh Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sempena sembutan Isra' dan Mikraj pada 27hb Rejab, 1411H bersamaan 12hb Februari, 1991M yang diserikan dengan Majlis Penyampaian Anugerah Masjid Terpilih, sebagaimana titahnya:

"Sehubungan dengan itu, bagi mencapai tujuan melahirkan kehebatan dan keselesaan pada masjid-masjid, maka beta suacita menyarankan supaya rekabentuk masjid-masjid di negara ini akan lebih diperkemas mengikut unsur-unsur kesenian Islam yang lebih tulen dan indah, yang kira-kira dapat melambangkan kehebatan dan kemegahannya sebagai rumah Allah dan syi'ar agama yang maha suci".³⁰

Bagi menyanjung seruan dan niat suci baginda itu, Jabatan Hal Ehwal Syariah telah pun menerbitkan sebuah buku Garispandu Pembinaan Masjid untuk dijadikan panduan bagi masyarakat di negara ini untuk membina masjid, surau dan balai ibadat.

Dengan terbitnya buku ini, masjid-masjid yang akan dibina dalam tahun 1990-an telah dibentuk dengan wajah yang berlainan antara satu dengan yang lain dan juga berbanding dengan masjid-masjid sebelumnya. Ini menandakan satu kemajuan yang dilakukan oleh para arkitek Islam Brunei dalam membentuk model bangunan masjid

³⁰ *Himpunan Titah..*, hal. 326.

mengikut unsur-unsur tamaddun Islam yang tulen dan juga unsur-unsur kebruneian di samping dapat memenuhi kehendak masjid sebagai tempat perpaduan masyarakat sama ada dari segi kerohanian mahu pun jasmaniah. Masjid-masjid telah pun dibentuk dengan indah dan disediakan dengan berbagai-bagai kelengkapan semata-mata untuk meningkatkan institusi masjid sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam serta sesuai dengan masa.

4.3.3 Perpustakaan Masjid

Bagi tujuan mengaplikasikan fungsi masjid sebagai sumber ilmu pengetahuan, penyediaan bilik perpustakaan adalah termasuk dalam rancangan pembinaan masjid-masjid baru sebagaimana mengikut garispandu pembinaan masjid.

Sungguhpun masjid-masjid lama tidak mempunyai bilik perpustakaan yang khusus, akan tetapi inisiatif kearah ini telahpun diusahakan oleh pihak-pihak masjid di seluruh negara. Pada umumnya setiap masjid di negara Brunei Darussalam pada masa ini telah pun mempunyai, sama ada mini perpustakaan atau perpustakaan yang lengkap.

Sebagai contoh perpustakaan "Ismail Umar Abdul Aziz" yang terletak di Jame' Asr Hassanal Bolkiah adalah merupakan sebuah model perpustakaan masjid yang canggih yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Perpustakaan ini telah dilengkapi dengan berbagai koleksi buku-buku, kitab-kitab dan muniskrip-muniskrip lama khususnya dalam bidang agama. Koleksi buku-buku di perpustakaan ini boleh didapati dalam tiga bahasa iaitu Arab, Inggeris dan Melayu.

Perpustakaan ini mempunyai sistem pengkatalogan yang teratur dan bersistematik seperti juga perpustakaan-perpustakaan yang terdapat di pengajian-pengajian tinggi. Perpustakaan ini telah dibekalkan dengan seorang Pegawai Perpustakaan dan beberapa orang kakitangannya di bawah pentadbiran masjid berkenaan. Keistimewaan perpustakaan ini ialah mempunyai kumpulan buku-buku agama yang banyak dalam berbagai bidang khususnya dalam bahasa Arab. Perpustakaan ini telah mendapat sembutan dari pelajar-pelajar pengajian tinggi dan juga orang awam.

Adalah menjadi hasrat penubuhan perpustakaan-perpustakaan masjid ini, menggalakkan lebih ramai lagi para jemaah berkunjung ke masjid di samping menimba ilmu pengetahuan, bahkan lebih daripada itu semata-mata untuk mendapat pahala yang banyak dan keberkatan di Rumah Allah s.w.t.

Walaupun setiap masjid di Brunei menyediakan bilik perpustakaan di masjid masing-masing, akan tetapi pada umumnya kebanyakkan perpustakaan-perpustakaan tersebut belum dapat memainkan peranannya yang berkesan dan menarik lebih ramai lagi para jemaah menggunakan bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan tersebut sebagai bahan bacaan atau sumber ilmu.

Persoalannya, kenapakah perpustakaan ini kurang mendapat sembutan daripada para jemaah?... Berdasarkan analisis yang didapati kelemahan perpustakaan masjid memainkan peranannya adalah disebabkan ketiadaan pengurusan perpustakaan yang betul yang dikendalikan oleh para Imam atau Pegawai Masjid. Hal ini juga disebabkan para Pegawai Masjid tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam soal pengurusan perpustakaan. Dari segi yang lain pula kemungkinan buku-buku yang disediakan oleh pihak masjid tidak banyak menarik minat para pembaca atau kurangnya publisiti pihak masjid ke arah itu.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak Jabatan Hal Ehwal Masjid menerusi kertas kerja cadangan perancangan Jabatan Hal Ehwal Masjid telah merancang dan bercadang supaya pegawai-pegawai masjid yang terlibat diberikan kursus sebagai pendedahan dan

pengetahuan mengenai hal yang berhubung dengan pengurusan perpustakaan. Di antara objektif kursus tersebut ialah:

- a) Mendedahkan Pegawai Masjid kepada pengetahuan dalam pengurusan perpustakaan.
- b) Mensistemkan perpustakaan masjid dengan sistem perpustakaan yang standard.
- c) Meningkatkan pengetahuan, kebolehan dan kecekapan pegawai masjid.³¹

Adapun visi dan misi cadangan tersebut sangatlah banyak manfaatnya kepada pegawai-pegawai masjid, tetapi sejauhmanakah kesannya kepada masjid-masjid dan orang ramai?... Sebenarnya, bagi memainkan peranan perpustakaan di sebuah masjid itu, pihak masjid perlulah membuat publisiti melalui masjid kepada para jemaah dan masyarakat sekelilingnya. Pihak masjid seharusnya memberi galakkan dan contoh yang positif kepada para jemaah dengan menggunakan buku-buku di perpustakaan tersebut sebagai bahan bacaan atau digunakan untuk memberi ceramah, halaqah atau majlis taklim di dalam masjid. Tunjuk ajar atau teladan yang baik daripada pihak masjid kepada jemaah masjid adalah cara yang berkesan untuk menjadikan fungsi perpustakaan masjid menjadi

³¹ *Kertas Kerja Cadangan Perancangan Jabatan Hal Ehwal Masjid.*

kenyataan di samping penyediaan koleksi buku-buku atau bahan-bahan bacaan yang menarik.

:

4.3.4 Dewan Serbaguna

Di dalam buku Garispandu Pembinaan Masjid, Dewan Serbaguna tidak disebutkan, akan tetapi ianya disebut sebagai bilik serbaguna. Bilik serbaguna yang dimaksudkan dalam buku tersebut sama peranannya dengan dewan serbaguna sebagaimana maksud di atas, akan tetapi dewan itu lebih menunjukkan sebuah tempat yang besar daripada bilik. Dalam bilangan 10.12.4 buku Garispandu Pembinaan Masjid menjelaskan maksud bilik serbaguna itu sebagai berikut;

10.12.4 Bilik Serbaguna.

Jika keadaan mengizinkan Bilik Serbaguna adalah bertujuan untuk sebagai bilik bermesyuarat, seminar, tempat berzikir, kelas tutorial dan sebagainya. Bilik ini pada umumnya untuk kegiatan duniawi yang ada kaitan dengan kebudayaan Islam.

Jika dilihat struktur pembinaan masjid-masjid sebelum tahun 1980-an, didapati kebanyakan masjid-masjid lama di Brunei mempunyai Balai atau Dewan Serbaguna yang lazimnya dibina bersebelahan dengan Dewan sembahyang. Tujuan pembinaan balai atau

dewan itu adalah dimanfaatkan sebagai tempat para jemaah mengikuti kelas-kelas dewasa seperti mempelajari al-Quran dan berbagai lagi pelajaran-pelajaran ugama, bahkan ada sebahagiannya dijadikan sebagai sekolah ugama kerajaan. Di samping itu juga balai dan dewan ini digunakan sebagai tempat para musafir bermalam dan berehat, tempat bermesyuarat dan juga menjalankan aktiviti-aktiviti masyarakat, masjid dan sebagainya.

Memandangkan betapa mustahaknya peranan dewan ini kepada masjid dan masyarakat dan dalam usaha menghidupkan kembali peranan dan fungsi masjid yang sebenar adalah perlu diwujudkan semula konsep balai atau dewan serbaguna atau bilik serbaguna ini. Ini disebabkan pentingnya fungsi dewan tersebut bagi kemudahan masjid dalam menjalankan dan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti masjid untuk kepentingan jemaah dan masyarakat. Walau bagaimanapun fungsi dewan ini hanya akan dapat ditentukan peranannya jika pihak masjid atau jemaah masjid bijak memanfaatkannya ke arah yang lebih positif.

4.3.5 Gelanggang Sukan (*Riyadah*)

Golongan belia adalah di antara golongan yang paling ramai di sesebuah kampong atau mukim itu. Golongan ini adalah penentu bagi masa depan agama, negara dan bangsa.

Memandangkan betapa pentingnya pendidikan awal kepada golongan ini khususnya bagi membina belia yang beragama, berdisiplin dan berakhilak, berbagai usaha telah pun dilakukan oleh pihak-pihak tertentu seperti institusi kerajaan dan swasta di mana-mana tempat di dunia ini. Bagi negara-negara yang penduduknya beragama Islam institusi masjid adalah memainkan peranan yang penting dalam memberikan pendidikan yang berguna kepada belia-belia ini, dengan mengajak mereka untuk mendekati masjid serta diberi peranan dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti masjid yang dikhususkan kepada mereka.

Dalam hal ini pihak masjid haruslah menyediakan program-program yang bersesuaian dengan kehendak belia-belia itu sendiri. Salah satu daripada program tersebut ialah *riyadah* atau bersukan di kawasan masjid. Untuk menjayakan program ini adalah mustahak bagi setiap masjid menyediakan kemudahan-kemudahan seperti ini untuk menarik lebih ramai lagi belia-belia melibatkan diri mereka ke masjid. Dengan cara ini pihak masjid seharusnya berpandangan positif ke arah penglibatan mereka ini, dan kalau boleh pihak masjidlah yang mengetuai segala aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh belia ini.

4.4 Pentakmiran Masjid

Masjid merupakan tempat penyucian atau pembersihan jiwa seseorang daripada melakukan sesuatu yang dilarang oleh agama atau maksiat kepada Allah s.w.t. Penyucian atau pembersihan jiwa itu telah jelas dan disebutkan dalam al-Quran dengan mengaitkannya dengan masjid sebagai satu-satunya tempat yang berkesan ke arah pemulihian akhlak yang baik dan murni. Rasulullah s.a.w pernah bersabda:

من تطهر في بيته ثم مشى إلى بيت من بيوت الله ليقضى فريضة
من فرائض الله كانت خطواته إحداها خط خطيبة والأخر ترفع
درجة.³²

Terj: *Barangsiapa yang bersuci dirumahnya kemudian dia berjalan menuju ke salah satu rumah Allah untuk memunaikan salah satu dari kewajiban-kewajiban Allah, maka setiap satu langkahnya boleh menghapuskan satu keburukan, dan yang satu lagi boleh menaikkan satu derjat.*

Masjid sememangnya menjadi sebuah pusat kegiatan umat Islam yang diwarisi sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi sebagai penghubung antara manusia dengan Allah dan

³² Muslim., *op cit*, *Kitāb al-Masājid wa Mawādi' al-Salāt, Bāb al-Masyī ila al-Salāt Tumhyī bih al-Khaṭaya wa Tarfa'* bih al-Darajāt, bil. 282/666., 1: 387.

di antara manusia dengan manusia untuk menuju ke arah kesempurnaan hidup di dunia mahupun di akhirat. Oleh itu orang-orang yang sentiasa mendampingi masjid adalah tergolong daripada orang-orang yang mentakmirkan masjid dan sentiasa menjadikan dirinya sebagai orang-orang yang bersih dari melakukan kemaksiatan kepada Allah s.w.t. Terdapat banyak hadis-hadis Rasulullah s.a.w yang menjamin seseorang itu memasuki syurga khususnya mereka yang sentiasa pergi ke masjid. Di antara lain sabda Rasulullah s.a.w:

ثلاثة كلهم ضامن على الله عز وجل، رجل خرج غازيا في سبيل
الله فهو ضامن على الله حتى يتوفاه فيدخله الجنة أو يرده بما نال من
آخر وغنية، ورجل راح إلى المسجد فهو ضامن على الله حتى
يتوفاه فيدخله الجنة أو يرده بما نال من آخر وغنية، ورجل دخل
بيته سلام فهو ضامن على الله عز وجل.³³

Terj: *Tiga golongan semuanya dijamin oleh Allah a.w.j., iaitu: Seorang lelaki yang berperang dijalan Allah, maka dia dijamin oleh Allah sehingga dia meninggal dan dimasukkannya ke dalam syurga, atau dia dikembalikannya dengan membawa pahala atau harta rampasan perang yang diperolehnya. Seorang lelaki yang pergi ke masjid, maka dia dijamin oleh Allah sehingga dia meninggal dan dimasukkannya ke dalam syurga, atau dia dikembalikannya dengan membawa pahala dan harta rampasan perang yang diperolehnya. Dan seorang lelaki yang memasuki rumahnya dengan memberi salam, maka dia juga dijamin oleh Allah a.w.j.*

³³Al-Sijistani, *op cit.*, *Kitab al-Jihad, Bab Fadl al-Ghuzw fi al-Bahr.*, Kaherah., 1988., bil. 2494., 3 : 7.

Balasan atau imbalan bagi orang-orang yang sentiasa mengimarahkan masjid memang tidak pernah dipersia-sikan oleh Allah s.w.t. Ini adalah satu peluang keemasan bagi setiap umat Islam di dunia ini meraih peluang yang dijanjikan oleh Allah s.w.t itu. Oleh yang demikian, memberikan kesedaran kepada semua lapisan masyarakat adalah tanggungjawab bagi orang-orang yang mengetahuinya, khususnya pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan mentadbir masjid supaya menyusun dan mengatur aktiviti-aktiviti masjid dengan sebaik-baiknya dan sesuai dengan keadaan masa, tempat dan suasana kehidupan masyarakat setempat.

4.4.1 Aktiviti Harian Dan Mingguan

Adapun tugas dan tanggungjawab seorang Imam atau Pegawai Masjid bagi satu-satu masjid itu bukan hanya untuk melepaskan tanggungjawab menjadi imam bila sampai waktu-waktu sembahyang atau menjadi khatib sahaja, akan tetapi tugas menjawat jawatan imam itu adalah merupakan satu tugas yang besar tanggungjawabnya di sisi agama Islam, kerana ianya menjadi ikutan yang menunjukkan contoh teladan yang sebaik-baiknya kepada pengikutnya atau jemaahnya terutama sekali dalam menegakkan ajaran agama Islam di tempat itu.

Dalam kontek perjawatan Imam atau Pegawai Masjid di Negara Brunei Darussalam, Imam atau Pegawai Masjid akan dilantik oleh ketua pemerintah yang tertinggi iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sahaja, sebagaimana menurut peruntukan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.

Apabila seseorang Imam atau Pegawai Masjid itu dilantik, dengan menerima Surat Tauliah daripada Sultan, maka apa-apa juga kuasa dan kewajiban yang ditetapkan dalam Surat Tauliah itu hendaklah disempurnakan dan menjadi tanggungjawab Imam atau Pegawai Masjid itu. Di dalam Undang-Undang Negara Brunei, seksyen 132 dari Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 menyebutkan;

123 Pegawai Masjid bagi mana-mana Masjid hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan tugas-tugas sebagaimana yang ditentukan dalam Tauliah-Tauliah mereka masing-masing dan selain daripada itu -

- a) hendaklah bertanggungjawab bagi perjalanan dan aturan yang baik bagi masjid tersebut ;*
- b) hendaklah bertanggungjawab bagi perjalanan yang baik bagi anak mukim masjid tersebut dalam perkara-perkara yang berhubung dengan ugama Islam ; dan*

c) hendaklah dengan segera memberi makluman kepada Majlis mengenai semua perkara yang terbit dalam mukim mereka dan yang memerlukan perhatian Majlis.

;

Melihat kepada tanggungjawab (b) di atas, tugas ini memberi pengertian makna yang amat luas dalam menegakkan *amar ma'arof* kepada anak mukim masjid tersebut. Adalah berdosa dari segi agama dan bersalah dari segi undang-undang jika seorang Imam atau Pegawai Masjid itu membiarkan anak mukim masjidnya jahil akan hukum agama serta melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan agama Islam. Imam atau pegawai Masjid wajib untuk mengajak anak mukim masjidnya ke arah melakukan perkara-perkara yang berkebaikan dengan mengajak mereka ke masjid untuk mengikuti segala aktiviti-aktiviti masjid yang disediakan sebagai usaha untuk mengelak mereka daripada jahil tentang agama dan sebagainya.

Masjid adalah Rumah Allah tempat umat Islam mencari kelebihan diri untuk mendapat keredaan dan rahmat daripada Allah s.w.t. Di Masjid atau Rumah Allah ini terdapat banyak kelebihan-kelebihan yang boleh didapati daripadanya melalui program-program takmir yang biasanya disediakan dan dilakukan di dalamnya. Bagi aktiviti harian yang terdapat di masjid-masjid ialah sembahyang berjemaah fardu lima waktu. Aktiviti ini tidak boleh tidak dilakukan secara berjemaah di masjid oleh anak mukim masjid berkenaan. Daripada Ibn 'Abbas r.a. dari Nabi s.a.w bersabda;

من سمع اللنداء فلم يأتِه فـلا صـلـاة لـه إـلا مـن
³⁴عـذر.

Terj: *Barangsiapa yang mendengar azan lalu dia tidak datang berjemaah, maka tidak ada sembahyang baginya, melainkan keran keuzuran.*

Hadis di atas adalah sebagai hujjah atau dalil yang menguat wajibnya sembahyang berjemaah, bagi ulama yang mengatakan sembahyang berjemaah itu hukumnya *fardu 'ain*. Dan bagi ulama yang mengatakan sunat sahaja, maka maksud “tidak ada sembahyang baginya” itu bermakna tidak sempurna sembahyangnya. Dan keuzuran yang membolehkan daripada tidak sembahyang berjemaah itu, sebagaimana disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, ialah: kerana hujan, angin, sangat dingin, kerana memakan kuai dan makanan-makanan lain yang mempunyai bau yang kurang menyenangkan Maka’ orang seperti ini tidak perlu mendekati masjid. Ada yang mengatakan larangan memakan makanan-makanan itu kerana menyebabkan hilangnya kefarduan, maka orang yang memakan itu adalah berdosa, kerana menyebabkan dia harus meninggalkan ‘ibadah wajib seperti sembahyang berjemaah itu.³⁵

³⁴ Ibn Majah., *Sunan.., Kitāb al-Masājid wa Jāmā'at*, *Bāb al-Taghlīz fi al-Takhaluf 'an al-Jamā'at*, bil. 793., 1: 260.

³⁵ Al-San'ānī, *op cit.*, hal. 413.

Tuntutan terhadap Pentingnya sembahyang berjemaah itu dalam Islam dapat kita lihat dalam sebuah hadis lain Rasulullah s.a.w bersabda, daripada Yazid Ibn al-Aswad al-'Amiri r.a daripada bapanya berkata:

شَهِدْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاةَ الْفَجْرِ فِي
مَسْجِدِ الْخَيْفِ فَلَمَّا قَضَى صَلَاةَ إِذَا هُوَ بِرَجْلَيْنِ فِي أَخْرِ
الْقَوْمِ لَمْ يَصْلِيْ مَعَهُ قَالَ عَلَىٰهُمَا تَرْعِدُ فَرَأَصَّهُمَا فَقَالَ
مَا مَنَعَكُمَا أَنْ تَصْلِيْ مَعَنَا قَالَا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا قَدْ صَلَيْنَا فِي
رَحَاتِنَا قَالَ فَلَا تَفْعَلَا إِذَا صَلَيْتُمَا فِي رَحَاتِكُمَا ثُمَّ أَتَيْتُمَا
مَسْجِدَ جَمَاعَةَ فَصَلَيْتُمَا مَعَهُمْ فَإِنَّمَا لَكُمَا نَافِلَةً.³⁶

Terj: Bahawasanya saya pernah menyaksikan bersama Rasulullah s.a.w sewaktu sembahyang Subuh di masjid al-Khaif, apabila Rasulullah s.a.w selesai daripada sembahyang, tiba-tiba beliau melihat dua orang laki-laki yang tidak bersembahyang, lalu beliau suruh panggil keduanya untuk di hadapkan kepada Nabi s.a.w dalam keadaan gementar keduanya. Lalu baginda bertanya kepada keduanya : Apa yang menegah kamu berdua untuk sembahyang bersama kami ? Keduanya menjawab : Kami sudah sembahyang di rumah. Beginda bersabda : Jangan kamu berbuat begitu. Apabila kamu berdua sudah sembahyang di rumah kamu, kamudian kamu berdua datang ke masjid jamaah, maka sembahyanglah kamu berdua bersama mereka, kerana sesungguhnya sembahyang bagi kamu berdua itu hukumnya sunat.

³⁶ Al-Suyūtī., Syarh Jalāl al-Dīn al-Suyūtī., *Sunan al-Nasa'ī*, Kitāb al-Imāmat, Bāb I'ādat al-Fajr Ma'a al-Jamā'at Limā Sallā Wahdah., Kaherah., 1987., jil. i., hal. 112.

Peristiwa yang disebutkan dalam hadis ini, terjadi di masjid Al-Khaif pada waktu haji *wada'*. Hadis ini juga memberi pengertian bahawa boleh bersembahyang lagi apabila seseorang itu mendapatkan orang sedang sembahyang atau akan sembahyang, setelah dia sudah bersembahyang baik sembahyang berjemaah maupun sembahyang sendirian, maka sembahyang yang pertama itu hukumnya fardu dan yang kedua adalah sunat sahaja, sebagaimana dijelaskan dalam hadis di atas, dan menurut kenyataannya yang demikian itu tidak membatalkan sembahyang yang pertama. Di antara Ulama yang berpendapat demikian itu ialah Zaid bin Ali, Al-Mu'ayyad dan jemaah ulama Syafi'iyyah dan Syafi'i.³⁷

Menghadiri sembahyang berjemaah itu adalah mempunyai kelebihan-kelebihan pahala yang berlipat ganda daripada sembahyang di rumah. Perkara ini telah dijelaskan dalam hadis Jabir *r.a* sebagai berikut; Sabda Rasulullah *s.a.w.*:

38. إن لكم بكل خطوة درجة.

Terj: Sesungguhnya bagi setiap langkah yang ditempuh untuk menuju sembahyang itu mempunyai ganjaran.

³⁷ Al-San'ānī, *op cit.*, hal. 414.

³⁸ Muslim., *op cit.*, *Kitāb al-Masājid*, *Bāb Fadl Kathrat al-Khatā ila al-Masjid*, bil. 279/664., 1: 386.

Sabda Rasulullah s.a.w lagi:

إِذَا تَوَضَأَ أَحَدُكُمْ فَأَحْسِنُ الوضوءَ ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الصَّلَاةِ
لَمْ يَرْفَعْ قَدْمَهُ إِلَّا كَبَّ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لَهُ حُسْنَتَهُ وَلَمْ
يَضْعِفْ قَدْمَهُ الْيُسْرَى إِلَّا حَطَّ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَنْهُ سَيِّئَةً
فَلَيَقْرُبْ أَحَدُكُمْ أَوْ لِيَعُدْ فَإِنْ أَتَى الْمَسْجِدَ فَصَلَّى فِي
جَمَاعَةٍ غَفْرَلَهُ فَإِنْ أَتَى الْمَسْجِدَ وَقَدْ صَلَوْا بَعْضًا وَبَقَى
بَعْضٌ صَلَّى مَا أَدْرَكَ وَأَتَمْ مَا بَقِيَ كَانَ كَذَلِكَ فَإِنْ أَتَى الْمَسْجِدَ
وَقَدْ صَلَوْا فَأَتَمَ الصَّلَاةَ كَانَ كَذَلِكَ.³⁹

Terj: Apabila seorang daripada kamu berwudu, lalu dia memperbaiki wudunya kamudian dia keluar untuk mengerjakan sembahyang, maka tidak dia angkat kaki kanannya melainkan Allah s.w.t menulis satu kebaikan baginya dan tidak dia meletakkan kaki kirinya melainkan Allah s.w.t menghapuskan dosa-dosanya. Maka dekatkanlah tempat tinggal seseorang (dari Masjid) atau menjauhkannya. Jika dia pergi ke masjid, lalu mengerjakan sembahyang berjemaah, maka diampuni dosa baginya. Apabila dia datang ke masjid sedang mereka sudah memunaikan sebahagian sembahyang dan tinggal sebahagiannya, dia ikut sembahyang bersama imam sebeberapa yang dia dapat dan dia menyepurnakan bakinya, maka Allah s.w.t mengampuni dosa-dosanya juga. Dan jika dia mendatangi masjid sedang mereka sudah selesai sembahyang, maka dia tetap diampuni dosanya.

³⁹ Al-Sijistānī, *op cit.*, *Kitāb al-Salāt*, *Bāb al-Hadyī fi al-Masyī ila al-Salāt*, bil. 563., 1: 151.

Dalam hadis yang lain pula diceritakan daripada Ubai Ibn Ka'ab r.a berkata, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا الصِّبَحَ قَالَ:
أَشَاهِدُ فَلَانْ؟.. قَالُوا: لَا، قَالَ: أَشَاهِدُ فَلَانْ؟.. قَالُوا: لَا، قَالَ:
إِنْ هَاتِينَ الصَّلَاتَيْنِ أَنْقَلَ الصَّلَوَاتِ عَلَى الْمُنَافِقِينَ وَلَوْ تَعْلَمُوْنَ
مَا فِيهِمَا لَا يَتَمَمُوهُمَا وَلَوْ جَبَا عَلَى الرَّكْبِ وَإِنَّ الصَّفَّ الْأُولَى عَلَى
مُثْلِ صَفِّ الْمَلَائِكَةِ وَلَوْ عَلِمْتُمْ مَا فَضْلِيْلِهِ لَا يَتَدَرَّجُوهُ وَإِنْ صَلَةُ
الرَّجُلِ مَعَ الرَّجُلِ أَزْكَى مِنْ صَلَاتِهِ وَحْدَهُ وَصَلَاتُهُ مَعَ
الرَّجُلَيْنِ أَزْكَى مِنْ صَلَاتِهِ مَعَ الرَّجُلِ وَمَا كَثُرَ فَهُوَ أَحَبُّ إِلَى
⁴⁰ اللَّهِ تَعَالَى.

Terj: *Rasulullah s.a.w pada suatu hari pernah mengerjakan sembahyang Suboh bersama kami, lalu beginda bersabda: Adakah kamu menyaksikan si Fulan?.. Sahabat berkata: Tidak!. Beginda bersabda lagi: Adakah kamu menyaksikan si Fulan?.. Sahabat berkata: Tidak!. Beginda bersabda: Sesungguhnya dua sembahyang ini (Suboh dan 'Isya') adalah paling berat sembahyang bagi orang-orang munafiq. Andaikata kamu mengetahui pahala kedua salat ini, pasti kamu menghadirinya walaupun berjalan merangkak. Dan sesungguhnya saf pertam adalah seperti saf malaikat (dalam kedudukan dekatnya pada Allah). Andaikata kamu mengetahui keutamaan saf pertama itu, pasti kamu merebutinya. Sesungguhnya Sembahyang seorang yang berjemaah dengan seorang yang lain lebih utama daripada sembahyangnya bersendirian, dan sembahyang berjemaah bersama dua orang yang lain lebih utama daripada bersama seorang jemaah. Dan semakin ramai orang*

⁴⁰ Ibid, Bab fi Fadl Salat al-Jama'at, bil. 554., 1: 149.

sembahyang berjemaah adalah lebih banyak disukai oleh Allah s.w.t.

Dari hadis-hadis yang tersebut di atas sudah cukup menjelaskan secara terperinci keutamaan-keutamaan yang didapati daripada sembahyang berjemaah serta berkunjung ke masjid. Gesaan yang disarankan itu, bukan sahaja mendapat ganjaran daripada sembahyang berjemaah itu sendiri, akan tetapi setiap langkah untuk menunju ke masjid juga akan diberikan ganjaran oleh Allah s.w.t sama ada dia sempat untuk berjemaah ataupun tidak.

Masjid sebagai tempat sujud atau beribadat kepada Allah s.w.t, tidak sepatutnya dipinggirkan oleh masyarakat setempat, akan tetapi masyarakat adalah wajib mendaratanginya bagi menyemarakkan syiar di tempat tersebut. Kehadiran jemaah pada waktu-waktu sembahyang adalah perlu diperingkatkan dengan menanamkan semangat cintakan masjid dan rakus akan ganjaran-ganjaran yang dijanjikan oleh Allah s.w.t. Ini adalah tanggungjawab masyarakat, tanpa masyarakat masjid tidak akan menjadi makmur dan syiar tidak akan wujud di tempat itu.

Penyediaan program atau aktiviti-aktiviti yang tersusun di masjid-masjid adalah satu cara mendekatkan masyarakat kepada masjid. Perkara ini juga tertakluk atau

bergantung kepada sistem pentadbiran masjid pada menarik lebih ramai jemaah untuk menghadiri dan mengikuti aktiviti-aktiviti yang disediakan itu. Dengan adanya pentadbiran masjid yang berkesan dan bersistematik, masjid bukan hanya dihadiri oleh jemaah tetapnya sahaja, akan tetapi pertambahan kehadiran jemaah lebih mendapat sembutan dari berbagai lapisan masyarakat. Memuliakan masjid-masjid dengan jalan yang tetap, iaitu sentiasa melakukan ibadat di dalamnya, berdzikir kepada Allah, menghadiri dan menegakkan jemaah sembahyang yang dilakukan di dalamnya dan memberi pelajaran-pelajaran agama atau mempelajarinya di dalamnya adalah juga termasuk daripada cara-cara memakmurkan masjid.

Selain daripada aktiviti harian yang diselanggarakan di masjid-masjid, aktiviti-aktiviti mingguan perlu disusun dengan kemas dan teratur, agar perjalannya juga berjalan mengikut masa dan waktu yang ditetapkan. Aktiviti mingguan yang biasanya dijalankan di masjid-masjid Negara Brunei Darussalam adalah seperti:

1) Kuliah Subuh.

Biasanya aktiviti ini diadakan pada tiap-tiap pagi hari cuti kelepasan awam iaitu hari Jumaat dan Ahad kecuali dalam bulan Ramadan. Walaupun aktiviti ini dikategorikan dalam aktiviti mingguan masjid-masjid, tetapi tidak semua masjid dapat melaksanakan sebagaimana yang ditetapkan. Ini kemungkinan kerana kurangnya inisiatif Imam atau

pihak masjid ke arah itu, tidak ada penceramah yang dikehendaki dan kurangnya kesanggupan imam untuk memberikan kuliah atau ceramah kepada para jemaah. Dalam hal ini imam-imam masjid haruslah mempersiapkan diri untuk memperdalamkan lagi ilmu pengetahuan supaya apa yang dirancangkan akan dapat dipikul sebeberapa daya yang boleh semata-mata untuk kepentingan masjid dan masyarakat setempat.

2) Pelajaran Al-Quran dan Muqaddam.

Aktiviti ini juga diadakan pada tiap-tiap hari kelepasan awam iaitu hari Jumaat dan Ahad. Aktiviti ini dikhususkan kepada kanak-kanak yang berumur 6 tahun ke atas bagi anak mukim masjid berkenaan. Program ini boleh dikatakan berkesan kerana kehadiran kanak-kanak sangat membanggakan. Aktiviti ini bermula dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi, dan tenaga pengajar terdiri daripada Pegawai-Pegawai Masjid dan juga Guru-Guru ugama terlatih.

3) Kuliah Maghrib

Kuliah ini diadakan pada tiap-tiap malam Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis iaitu di antara waktu Maghrib dan ‘Isya’. Pelajaran yang akan dikuliahkan ialah seperti Fiqh, Tauhid, Tasauf dan Hadith. Tenaga-tenaga pengajarnya terdiri daripada Pegawai-Pegawai Masjid dan juga Guru-Guru Ugama yang diundang khas. Aktiviti-aktiviti ini sudah setentunya akan berjaya jika sekiranya pihak pentadbir masjid peka akan kepentingannya

kepada masyarakat. Aktiviti-aktiviti ini hendaklah diteruskan kerana ianya memberikan manfaat yang banyak kepada para jemaah khususnya pada mendalami ilmu-ilmu agama.

;

4) Tahlil Dan Membaca Surah Yassin

Bagi memupuk semangat bermasyarakat adalah penting aktiviti ini diadakan pada tiap-tiap minggu iaitu pada malam Jumaat di antara waktu Maghrib hingga waktu ‘Isya’. Kepentingan aktiviti ini adalah bertujuan untuk merapatkan lagi komitmen masyarakat terhadap kewibawaan pihak masjid dalam sama-sama menangani kesulitan-kesulitan yang mungkin dihadapi oleh masyarakat.

5) Ratib Al-Attas

Aktiviti ini biasanya diadakan pada malam Sabtu juga di antara waktu Maghrib hingga waktu ‘Isya’. Aktiviti ini dimestikan untuk dibaca di masjid-masjid seluruh negara semata-mata untuk mengambil fadilat yang terkandung di dalamnya. Bagi membuktikan aktiviti ini berjalan dengan lancar, para jemaah masjid hendaklah diberi kefahaman yang betul tentang fadilat-fadilat mengamalkan wirid ini.

6) Dikir Syarafil Anam

Bagi mewujudkan sebuah pasukan yang menjadi tumpuan masyarakat kampung, dalam menjayakan majlis-majlis keraian yang diadakan, adalah perlu aktiviti ini dijadikan

budaya kepada masyarakat kampong melalui masjid. Oleh itu aktiviti ini biasanya akan dikendalikan oleh pihak masjid untuk diajarkan kepada masyarakat kampong pada setiap malam Ahad. Aktiviti ini biasanya mendapat sembutan dari kalangan belia-belia dan juga orang-orang dewasa. Dalam kontek adat istiadat orang-orang Brunei, Dikir Syaraf al-Anam ini adalah merupakan amalan yang diwarisi sejak zaman berzaman, khususnya bagi menjayakan majlis-majlis yang berbentuk kesukuran, kesukaan atau keraian.

4.4.2 Aktiviti Tahunan

Aktiviti tahunan ini merupakan aktiviti-aktiviti yang berunsurkan sembutan-sembutan hari-hari kebesaran dalam Islam dan juga hari-hari kebesaran negara. Di antara program-program aktiviti tersebut adalah seperti berikut:-

a) Sembutan Awal Muharram

Seperti lazimnya sembutan sempena menyambut awal bulan Muharram ini, semua masjid-masjid di seluruh negara mengadakan majlis membaca doa akhir tahun dan juga doa awal tahun Hijrah. Di samping itu juga sebahagian masjid-masjid mengadakan ceramah-ceramah bersempena dengan bulan tersebut.

b) Sembutan Isra' dan Mi'raj

Majlis ini akan diadakan pada setiap bulan Rejab, di mana ianya akan diisikan dengan ceramah-ceramah berhubung dengan peristiwa itu.

c) Majlis Nisfu Sya'aban

d) Menghidupkan Bulan Ramadan

Pada bulan ini aktiviti-aktiviti yang pasti diadakan ialah sembahyang berjemaah sunat Tarawih dan Witir, bertadarus al-Quran dan Qiam al-Lail pada 10 malam terakhir bulan Ramadan. Selain daripada itu, ceramah-ceramah juga tidak ketinggalan diadakan khususnya kuliah Suboh pada setiap hari, memperingati Nuzul al-Quraan dan sebagainya.

e) Sembahyang berjemaah Sunat Hari Raya 'idil fitri dalam bulan Syawal.

f) Sembahyang berjemaah Sunat Hari Raya 'idil Adha dalam bulan Zulhijjah dan diteruskan dengan majlis berkurban selama tiga hari berturut-turut.

g) Memperingati Maulid Al-Rasul

Setiap tiba bulan Rabiul-Awal, seluruh masjid mengadakan majlis Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut mulai pada 1 Rabiul-Awal hingga 12 Rabiul-Awal. Selain daripada itu dalam bulan ini ceramah-ceramah juga akan diadakan di masjid-masjid.

h) Sembutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

Di antara aktiviti yang diadakan melalui masjid-masjid seluruh negara ialah majlis membaca surah Yassin dan membaca doa kesyukuran.

i) Sembutan Hari Keputraan Sultan

Seluruh masjid akan mengadakan majlis kesyukuran bersempena hari tersebut dengan membaca Surah Yassin, Bertahlil dan membaca doa kesyukuran yang diketuai oleh Imam-Imam masjid.

4.4.3 Aktiviti Jangka Pendek

Aktiviti jangka pendek ini adalah merupakan aktiviti-aktiviti yang diadakan dalam masa yang singkat, seperti mengadakan kursus-kursus, bengkel-bengkel, pertemuan belia-belia Islam, mari bercerita bagi kanak-kanak, peraduan-peraduan dan sebagainya.

Aktiviti ini perlu diadakan bagi menanam minat kanak-kanak, belia-belia dan anak-anak mukim masjid khususnya untuk mendekatkan diri mereka dengan masjid, serta memberikan kefahaman kepada mereka bahawa masjid itu bukan hanya untuk beribadat seperti sembahyang semata-mata, tetapi masjid itu mempunyai peranan dan fungsinya yang lebih luas daripada itu.

Aktiviti jangka pendek ini sebenarnya bagi mengisi masa lapang kanak-kanak dan belia-belia terutama sekali pada waktu-waktu ^{opersi} percutian sekolah. Dengan cara ini kita dapat sekurang-kurangnya membudayakan kanak-kanak tersebut supaya terpaut hati-hati mereka kepada masjid.

Bagi menjayakan program ini, pihak masjid haruslah membuat perancangan terlebih awal dengan mengadakan pertemuan-pertemuan dengan anak-anak mukim masjid berkenaan dan pihak-pihak yang terlibat. Inisiatif Imam dan pihak masjid kearah ini akan

membuktikan kejayaan pentakmiran masjid boleh berlaku dengan apa jua aktiviti kemesyarakatan dapat dijalankan melalui masjid-masjid asalkan ianya tidak bertentangan dengan Islam.

;

4.4.4 Aktiviti Jangka Panjang

Bagi menjadikan masjid sentiasa makmur serta mewujudkan mesyarakat yang berilmu, program atau aktiviti jangka panjang perlu diteruskan sebagaimana yang telah dipraktikkan di masjid-masjid tertentu di seluruh negara seperti meneruskan program majlis Taklim dan seumpamanya. Majlis ini hendaklah dikendalikan oleh orang-orang yang berkebolehan dalam mengajar kitab-kitab muktabar kepada jemaah-jemaah masjid. Majlis ini juga tidak boleh ditentukan masanya, kerana ia memerlukan penerangan yang terperinci supaya dapat difahami dengan baik oleh jemaah.

;

4.4.5 Aktiviti Berkala

Bagi menceriakan suasana pentakmiran masjid, terdapat banyak lagi aktiviti-aktiviti yang perlu diadakan melalui masjid-masjid. Di antaranya ialah :

1) Forum Perdana Islam

Dengan mengundang ahli-ahli panel yang berkelibar, aktiviti ini perlu diadakan melalui masjid-masjid seluruh negara. Aktiviti ini bukan sahaja menghidupkan suasana pentakmiran masjid, akan tetapi menunjukkan syiar Islam berkembang dengan megahnya di tempat tersebut. Forum ini juga memberi peluang kepada anak mukim masjid berkenaan untuk mengemukakan masalah-masalah dan pandangan-pandangan mereka kepada majlis tersebut.

2) Upacara Akad Nikah

Tidak syak lagi sebersih-bersih tempat untuk mengadakan upacara ‘akad nikah itu ialah di masjid-masjid. Sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis daripada ‘Aisyah r.a beliau berkata; Rasulullah s.a.w bersabda:

أَعْلَمُوا هَذَا النِّكَاحَ وَاجْعَلُوهُ فِي الْمَسَاجِدِ وَاضْرِبُوْا عَلَيْهِ
بالدَّفْفُوفِ.⁴¹

Terj: *Beritahukan oleh kamu sekalian pernikahan itu, dan tetapkanlah tempat ‘akad nikah itu di masjid-masjid, dan pukullah rebana untuk memberitahukan pernikahan itu.*

⁴¹ Al-Tirmizi, *Sunan.., Kitāb al-Nikāh, Bāb Ma Jā'fi I�an al-Nikāh.*, bil. 1089., 3: 399. Menurut Abu 'Isa: Hadīth ini adalah *Għarīb Hasan* dalam bab ini.

Budaya mengadakan upacara ‘akad nikah di masjid-masjid itu adalah sangat digalakkan oleh Islam berdasarkan maksud hadis di atas. Oleh kerana Imam-Imam masjid di seluruh negara kebanyakannya dilantik dan diberi Tauliah sebagai Jurunikah bagi tempat dan kawasannya, adalah lebih utama majlis-majlis atau upacara-upacara seperti ini dilangsungkan di masjid-masjid bagi menyemarakkan lagi syiar dan juga pentakmiran masjid. Adalah wajar dan tepat pada tempatnya, upacara ‘akad nikah itu bermula daripada masjid bagi mendapatkan keberkatan dan rahmat kepada bakal pengantin itu daripada Rumah Allah ini.

3) Sembahyang Jenazah

Berdasarkan hadis daripada Ibn ‘Abbas r.a beliau berkata : Aku telah mendengar Nabi s.a.w bersabda:

ما من رجل مسلم يموت فيقوم على حناته أربعون
رجلا لا يشركون بالله شيئا إلا شفعهم الله فيه.⁴²

Terj: *Tidak ada seseorang lelaki muslim yang meninggal dunia, lalu jenazahnya di sembahyangkan oleh empat puluh orang yang tidak memperseketukan Allah dengan sesuatu, melainkan Allah memberi syafaat kepada mereka dalam permohonan ampunan baginya.*

⁴² Muslim., op cit., *Kitāb al-Janāzah, Bāb Man Sallā 'alāih Arba'ūn Syafā'ū fīh*, bil. 59/948., 2 : 545.

Hadis ini menunjukkan keutamaan untuk memperbanyak jemaah yang mengikuti sembahyang jenazah itu dan menunjukkan bahawa syafaat orang-orang yang betul-betul beriman itu diterima di sisi Allah s.w.t. Dalam hadis yang lain pula Rasulullah s.a.w bersabda:

مَا مِنْ مَيْتٍ يُصَلِّى عَلَيْهِ أُمَّةٌ مِنَ الْمُسْلِمِينَ يَلْفَغُونَ مِائَةً كُلَّهُمْ
يُشْفَعُونَ لَهُ إِلَّا شَفَاعَةٌ فِيهِ.⁴³

Terj: *Tidak ada seseorang muslim yang disembahyangkan jenazahnya oleh umat Islam yang semuanya mencapai jumlah seratus orang yang memohon syafaat baginya, kecuali mereka di beri syafaat dalam hal itu.*

Sebagai hidup bermasyarakat, tolong-menolong antara satu dengan yang lain dalam satu-satu perkerjaan yang berkebajikan adalah satu amalan yang mulia di sisi Islam. Dalam hal ini usaha untuk menjadikan masjid sebagai pusat perpaduan masyarakat adalah perlu ditonjolkan kepada masyarakat melalui masjid. Menunaikan sembahyang jenazah di masjid bagi menuntut keredaan dan syafaat Allah s.w.t adalah satu-satunya tempat yang boleh menampung lebih ramai jemaah di sesebuah tempat itu. Perkara ini pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w , sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis daripada ‘Aisyah r.a dia berkata:

⁴³ *Ibid.*, bil. 58/947.

والله ! لقد صلى رسول الله صلى الله عليه وسلم على ابى
 يضاء في المسجد.⁴⁴

Terj: Demi Allah, sesungguhnya Rasulullah s.a.w tidak menyembahyangkan mayat dua anak Baida' melainkan di dalam masjid.

Hadis ini juga adalah sebagai dalil yang menunjukkan kebenaran pendapat jumhur yang mengatakan tidak makruh sembahyang jenazah itu di dalam masjid.⁴⁵ Adalah sunat saf-saf bagi sembahyang jenazah itu dijadikan tiga atau lebih. Dan tidak sunat menunda sembahyang jenazah semata-mata untuk menanti orang ramai menyembahyangkannya, kecuali kerana menanti kedatangan walinya.⁴⁶

Sebahagian Ulama' Al-Muhaqqiqin berpendapat bahawa selagi tidak dikhawatir terjadi perubahan pada si mayat, maka boleh ditunda untuk menanti seratus atau empat puluh orang yang diharapkan kehadiran mereka dalam jangka masa terdekat.⁴⁷ Apabila mayat yang telah disembahyangkan itu, didatangi seseorang yang belum menyembahyangkannya, maka sunat baginya menyembahyangkannya dan sembahyangnya

⁴⁴ Ibid., bil. 101/973., 2 : 557.

⁴⁵ Al-San'āni., op cit., hal. 557.

⁴⁶ Al-Dimyati., op cit., hal. 131.

⁴⁷ Ibid., hal. 132.

itu juga sah sebagai fardu kifayah kerana niatnya adalah fardu, dan dia mendapat pahala sebagaimana pahala sembahyang fardu. Tidak menjadi sunat bagi orang yang telah menyembahyangkannya sekalipun secara bersendirian untuk mengulangi sembahyangnya dengan berjemaah. Dan jika dia mengulanginya, maka sembahyangnya dikira sembahyang sunat sahaja. Sebahagian Ulama mengatakan : Mengulangi sembahyang jenazah itu menyelisihkan dengan yang lebih utama. Sebab itu disebutkan dalam kitab Majmu' bahawa tidak disukai untuk mengulanginya bahkan lebih baik meninggalkannya.⁴⁸

4) Klinik Perubatan

Sebagaimana yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w , masjid juga telah dijadikan sebagai pusat perubatan, iaitu tempat merawat orang-orang Islam yang cedera dalam peperangan. Dalam sebuah hadis daripada 'Aisyah r.a dia berkata:

أُصِيبَ سَعْدٌ يَوْمَ الْخَنْدَقِ فِي الْأَكْحَلِ فَضَرَبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْرَةً فِي الْمَسْجِدِ لِيَعُودَهُ مِنْ قَرِيبٍ.
⁴⁹

Terj: *Saad telah ditimpa luka pada waktu perang Khandaq, lalu Rasulullah s.a.w membuatnya sebuah khemah di dalam masjid agar beliau dapat menjenguknya dari dekat.*

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ al-Bukhārī, *op cit.*, bil. 463., 1 : 162.

Hadis ini menjadi sandaran atau dalil bahawa harus mendirikan pusat rawatan perubatan di masjid-masjid dan juga tinggalnya pesakit-pesakit di dalamnya. Mewujudkan pusat rawatan di masjid-masjid ini adalah salah satu daripada aktiviti takmir masjid yang yang sudah lama wujud dan dilaksanakan di masjid-masjid hingga sekarang. Bagi masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam usaha ke arah ini belum dilaksanakan, kerana di setiap Mukim dan Daerah telah disediakan klinik-klinik dan hospital-hospital kerajaan yang memberikan perkhidmatan perubatan kepada penduduk-penduduk yang tinggal di sekelilingnya.

Bagi menwujudkan perkhidmatan perubatan melalui masjid ini, pihak masjid haruslah merealisasikan kewujudan perkhidmatan ini sebagai salah satu daripada aktiviti masjid yang boleh menarik perhatian jemaah untuk berkunjung ke masjid. Jika tidak dengan menyediakan tempat khusus di masjid-masjid, mengadakan ceramah-ceramah yang berhubung dengan berbagai penyakit bagi golongan-golongan tua, muda, kanak-kanak dan sebagainya adalah lebih baik daripada tiada. Dengan memberi kefahaman tentang penyakit-penyakit ini kepada mesyarakat boleh menambahkan ilmu pengetahuan kepada jemaah yang sekurang-kurangnya dapat menwujudkan mesyarakat yang sihat dan dapat mencegah daripada ditimpa penyakit. Sisi ceramah seperti ini sekurang-kurangnya juga dapat memberi peluang kepada jemaah untuk menanyakan secara terperinci kepada penceramah berhubung dengan tajuk-tajuk yang telah diceramahkan.

4.4.6 Aktiviti Pendidikan

Sebagaimana yang telah diperkatakan sebelum ini, dewan serbaguna perlu diwujudkan dalam struktur pembinaan sesebuah masjid itu. Kegunaan dewan ini di antaranya ialah tempat mengadakan aktiviti-aktiviti pendidikan seperti berikut:-

a) Kelas Tambahan (*Tuition*)

Memandangkan keprihatinan ibu bapa terhadap kepentingan dan kemajuan pelajaran anak-anak dan juga pelajar-pelajar itu sendiri adalah merupakan sesuatu yang diperlukan, maka dalam keadaan seperti ini masjid mestilah mengambil peranannya sebagai tempat yang sesuai untuk mengadakan kelas-kelas tambahan (*tuition*) bagi pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan seperti PMB, GCE ‘O’ & ‘A’ Level, SPU dan STPU. Bagi menjayakan rancangan ini pihak masjid dengan bantuan ibu bapa pelajar-pelajar berusaha untuk mencari dan mengenal pasti guru-guru yang berkebolehan untuk mengendalikan kelas-kelas ini. Dengan adanya kerjasama semua pihak dalam menjayakan program ini, Insyallah, usaha untuk menwujudkan belia-belia yang cintakan masjid dan berilmu serta berakhlik akan berkesan melalui aktiviti takmir masjid ini.

b) Kelas Bahasa Arab

Dalam usaha masjid memberikan bimbingan sebeberapa daya yang boleh kepada masyarakat setempat, berbagai-bagai program pendidikan telah pun disediakan melalui pentakmiran masjid-masjid. Mempelajari Bahasa Arab adalah salah satu bahasa yang amat digemari oleh sebahagian masyarakat masjid. Di samping ianya untuk menambah pengetahuan dalam berbagai bahasa, ianya juga boleh melembutkan lidah seseorang itu untuk menyebut perkataan-perkataan dengan betul yang terdapat di dalam Al-Quran dengan fasih dan lancar.

c) Kelas Seni Membaca Al-Quran

Untuk menonjolkan bakat di kalangan anak mukim masjid, kelas ini juga perlu diadakan di masjid-masjid supaya anak-anak mukim masjid yang berbakat dalam seni ini akan dapat mempertingkatkan kemahiran mereka dalam pembacaan Al-Quran secara berlagu, bertajwid dan sebagainya.

d) Kelas Tahfiz Al-Quraan

Kelas ini juga perlu disalurkan perlaksanaannya melalui aktiviti-aktiviti pentakmiran masjid. Budaya menghafaz Al-Quraan di masjid-masjid ini adalah telah wujud sejak zaman Rasulullah *s.a.w* lagi sehingga sekarang. Bagi masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam kelas seperti ini belum lagi wujud setakat ini. Ini kerana kurangnya di

kalangan imam-imam masjid sendiri yang telah hafaz Al-Quran. Walau bagaimanapun hanya terdapat dua buah masjid sahaja yang ditempatkan dua orang al-hafiz menjadi imam di masjid berkenaan.

e) Kelas Asuhan Kanak-Kanak

Adalah perlu difikirkan dengan mengira kesan baik dan buruknya mengadakan kelas-kelas asuhan kanak-kanak di masjid-masjid ini. Walaupun kelas-kelas ini belum wujud di masjid-masjid Negara Brunei Darussalam, tetapi untuk masa-masa akan datang adalah wajar ianya diwujudkan untuk menanamkan semangat cintakan kepada masjid di kalangan kanak-kanak lagi. Mengadakan kelas seperti ini memerlukan perancangan yang terperinci agar ianya dapat menepati sasaran yang dikehendaki oleh Islam.

4.4.7 Aktiviti Kesukanan

Bagi mendekatkan dan menanamkan budaya cintakan masjid di kalangan belia-belia, aktiviti sukan adalah salah satu daripada cabang pentakmiran masjid itu. Mewujudkan kemudahan sukan dan rekreasi di perkarangan masjid tidaklah menjadi salah asalkan ianya tidak disalah gunakan untuk melalaikan manusia dan sebagainya, akan tetapi ianya dijadikan sebagai tempat kegiatan luar aktiviti pendidikan takmir masjid. Aktiviti

sukan yang perlu diadakan ialah seperti sepak takraw, badminton, ping pong dan sebagainya.

:

Perancangan program yang teratur perlu diadakan agar ia dapat menepati matlamat yang diharapkan. Selain daripada itu termasuk dalam aktiviti sukan ini juga, diadakan rancangan gotong-royong membersihkan masjid, rombongan lawatan ke masjid-masjid di dalam dan luar negeri dan sebagainya.

Aktiviti sukan melalui masjid ini adalah bagi mewujudkan mukmin yang kuat, sihat dan cergas, sebagaimana yang disebutkan dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah *r.a* berkata : Telah bersabda Rasulullah *s.a.w*:

الموءمن القوى خير وأحب إلى الله من الموءمن الضعيف.⁵⁰

Terj: *Seorang mukmin yang kuat itu lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada seorang mukmin yang lemah.*

⁵⁰ Muslim., *op cit.*, *Kitab al-Qadr, Bab fi al-Amr bi al-Quat wa Tark al-'Ajz.*, bil. 34/2664., 4 : 1629.

4.5 Hasil Laporan Soal Selidik

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang mempunyai keluasan 5,765 kilometer persegi. Ianya sebuah negara yang kecil mempunyai keramaian penduduk 267,800 orang, iaitu 141,300 orang lelaki dan 126, 500 orang perempuan.⁵¹ Bangsa Melayu adalah yang paling ramai sekali iaitu 179,800 orang (67.1%), diikuti oleh bangsa Cina 41,300 orang (15.4%), puak asli 16,100 orang (6.0%) dan bangsa lain 30,600 orang (11.4%).⁵²

Pada tahun 1991, keramaian penduduk Islam di negara ini ialah 174,973 orang, iaitu terdiri daripada 87,907 orang lelaki dan 87,066 orang perempuan.⁵³ Manakala pertambahan kelahiran penduduk bagi tahun 1992 sahaja ialah seramai 7,290 orang sahaja, iaitu bangsa Melayu 3,019 orang lelaki dan 2,849 orang perempuan, manakala selebihnya terdiri daripada bangsa dan puak yang lain.⁵⁴

⁵¹ Lihat. *Brunei Darussalam Statistical Yearbook 1992.*, Brunei : Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan., 1992.

⁵² *Ibid.*

⁵³ *Ibid*, hal. 14.

⁵⁴ *Ibid*, hal. 19.

Apabila dikatakan bangsa Melayu, ianya menunjukkan kepada orang-orang yang beragama Islam pada keseluruhannya. Berdasarkan kepada statistik keramaian penduduk bangsa Melayu di negara Brunei Darussalam pada tahun 1992, menunjukkan bahawa keramaian penduduk orang-orang Islam di negara ini pada keseluruhannya termasuk lelaki, perempuan, kanak-kanak, dewasa dan golongan tua ialah seramai 179,800 orang sahaja.

Merujuk kepada perkembangan penduduk di atas, Negara Brunei Darussalam mempunyai 76 buah masjid di seluruh negara yang beroperasi sebagai tempat ibadat bagi penduduk yang beragama Islam. Selain daripada itu terdapat 12 buah Surau dan Balai Ibadat yang berperanan sebagai tempat ibadat dan mendirikan sembahyang fardu Jumaat.⁵⁵ Ini menunjukkan keperluan Masjid, Surau dan Balai Ibadat kepada masyarakat setempat tidak lagi menimbulkan masalah, kerana masjid-masjid yang ada sekarang ini boleh menampung jemaah yang ramai.

Setelah pentadbiran masjid-masjid di seluruh negara diambil alih oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU,⁵⁶ maka masjid-masjid di seluruh negara telah dikategorikan

⁵⁵ *Dalil al-Masjid*, Buku Panduan Masjid-Masjid NBD., 1996., JHEM, KHEU, hal. 5

⁵⁶ Sebelum ini ditadbir oleh Jabatan Hal Ehwal Syara'iah, KHEU, NBD.

kepada 5 bahagian berdasarkan kepada keupayaan muatan jemaah yang dapat ditampung oleh masjid berkenaan seperti berikut:

- | | |
|------------------------------|-------------------------------------|
| 1. Masjid Negara | : 2 buah |
| ; | |
| >Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah | |
| >Masjid Omar Ali Saifuddin | |
| 2. Masjid Utama | : 10 buah (Lebih 2,000 jemaah) |
| 3. Masjid Mukim | : 15 buah (Antara 800-1,800 jemaah) |
| 4. Masjid Qaryah (Kampong) | : 49 buah (Kurang dari 500 jemaah) |
| 5. Surau/Balai Ibadat | : 12 buah |

(Mendirikan Sembahyang Jumaat Sahaja)⁵⁷

Jumlah keseluruhan Masjid, Surau dan Balai Ibadat di seluruh negara ialah sebanyak 88 buah.

Setelah dianalisa keramaian penduduk yang beragama Islam seluruh negara serta pertumbuhan pembangunan masjid yang ada sekarang, penulis telah pun menjalankan dan membuat soal selidik kepada beberapa Imam-Imam masjid di seluruh negara bagi mengenal pasti secara terperinci tentang sejauh mana perkembangan yang berlaku kepada masjid-masjid di negara Brunei Darussalam pada masa sekarang.

⁵⁷ *Dalil al-Masjid.*

Dalam soal selidik yang dijalankan, penulis telah mengkategorikan soalan-soalan kepada empat bahagian, iaitu; Bahagian A (Identiti), Bahagian B (Pentadbiran Masjid), Bahagian C (Pemeliharaan Masjid) dan Bahagian D (Pentakmiran Masjid).

Berikut adalah laporan soal selidik mengikut bahagian-bahagian di atas yang diajukan kepada 43 orang Imam masjid daripada 43 buah masjid terpilih seluruh negara. Soal selidik ini telah pun dijalankan mulai pada 4hb. Mac, 1997 sehingga 27hb.Mac,1997.

4.5.1 Bahagian A : Identiti

Alhamdulillah, kesemua Imam-Imam dari 43 buah masjid seluruh negara telah pun memberikan kerjasama yang sebaik-baiknya, khususnya pada memberikan jawapan-jawapan yang dikehendaki dalam borang-borang yang disediakan di hadapan penulis sendiri.

Dalam bahagian ini soal selidik telah diajukan kepada 4 kategori masjid iaitu; NG = 2 buah, MU = 9 buah, MM = 11 buah dan MK = 21 buah,⁵⁸ berjumlah 43 buah Masjid. Daripada bilangan ini 20 buah Masjid dari Daerah Brunei dan Muara, 8 buah Masjid dari Daerah Kuala Belait, 8 buah Masjid dari Daerah Tutong dan 7 buah Masjid dari Daerah Temburung.

Sebenarnya soalan-soalan yang diajukan dalam bahagian ini, lebih menekankan kepada soal-soal yang berhubungkait dengan peribadi seseorang Imam. Jika dilihat kepada Jadual 4.1, kesemua soalan telah pun dijawab dengan jawaban-jawaban yang berlainan. Ini sedikit sebanyak dapat untuk mengenal pasti tentang kedudukan seseorang Imam yang bertanggungjawab dalam mentadbir sesebuah masjid itu.

Apa yang kita nampak di dalam Jadual 4.1 ini, terdapat ketidakseragaman dari segi penempatan Pegawai-Pegawai Masjid (Imam) kepada keutamaan-keutamaan masjid mengikut kategori yang ditetapkan. Contohnya dari segi SG, AKA dan KK. Walaupun jawatan Imam-Imam mempunyai peringkat-peringkat kenaikan pangkat, namun keutamaan haruslah diberikan kepada Pegawai-Pegawai yang ditugaskan pada masjid-masjid yang lebih besar. Ini adalah penting sekali kerana masjid-masjid tersebut adalah sebagai contoh yang menunjukkan kewibawaan yang tinggi di mata masyarakat dan juga

⁵⁸ Lihat Jadual 4.1.

masjid-masjid yang lebih kecil daripadanya, di samping memberikan dorongan dan motivasi kepada institusi Imam itu sendiri. Kerana itu kenaikkan pangkat kepada Imam-Imam itu, sepatutnya diambil kira dari segi pencapaian akademik, kebolehan, pengalaman seseorang Imam dan sebagainya, semata-mata bertujuan untuk mewujudkan pentadbiran masjid yang kemas dan bersistematik.

Dalam kajian ini mendapati masih terdapat sebahagian kecil Imam-Imam masjid yang ditadbir oleh Imam-Imam yang sudah bersara dan juga guru-guru agama kontrek dari luar negeri. Walaupun perkara ini tidak menimbulkan banyak masalah kepada pentadbiran masjid, tetapi pihak pentadbiran masjid haruslah berusaha untuk mencari pengganti mereka khususnya sebagai pelapis kepada Imam-Imam yang sudah tua, yang terdiri daripada penduduk yang tinggal ditempat berkenaan. Dalam pada itu pengiklanan jawatan tersebut mestilah sentiasa didedahkan kepada pengetahuan umum dengan menampilkan skim-skim keutamaan yang terdapat dalam jawatan tersebut⁵⁹. Besar mungkinan dengan cara yang demikian dapat menarik minat orang ramai dalam mendalami ilmu pengetahuan semata-mata untuk menyahut cabaran kearah perkerjaan yang penuh berkebajikan ini.

⁵⁹ Sila Lihat Lampiran III.

Jika dilihat kepada pencapaian akademik Imam-Imam, majoritinya mereka mempunyai kelulusan sekolah menengah termasuk lepasan dari Maktab Perguruan Ugama, sekolah pondok dan juga pengajian Tinggi. Walau bagaimanapun mereka haruslah diberikan kursus-kursus yang berbentuk *takhasus* kepada perkara-perkara yang berhubungkait perkerjaan Imam, pentadbiran masjid dan sebagainya. Tidak keterlaluan jika mereka ini diberi peluang menjalani kursus-kursus yang berkaitan atau penempatan yang terdapat di mana-mana, di dalam negari maupun di luar negeri bagi mendedahkan mereka menimba pengalaman dan ilmu pengetahuan yang didapati dari mana-mana institusi dan sebagainya.

Terdapat juga Imam-Imam yang tidak pernah mengikuti kursus-kursus yang berhubungkait dengan masjid atau Imam. Jika dilihat kepada personaliti Imam-Imam tersebut, mereka ini terdiri daripada bekas guru-guru ugama yang ditukar jawatan menjadi Imam. Sebenarnya kajian yang terperinci perlulah diambil perhatian oleh pihak pentadbiran Masjid-Masjid bagi mengenal pasti kekurangan-kekurangan yang terdapat pada diri semua Pegawai-Pegawai Masjid di seluruh negara supaya dapat menimbulkan semangat pada diri Imam-Imam dan Bilal-Bilal dalam menjalani tugas mereka di masjid-masjid. Keutamaan tempat tinggal mereka haruslah diberi perhatian agar mereka ini seboleh-bolehnya tinggal berdekatan dengan masjid tempat mereka bertugas.

Dalam suasana kemajuan dunia yang dihadapi sekarang, sudah sampai masanya diwujudkan sebuah institusi pengajian tinggi yang sekurang-kurangnya bertaraf diploma ke atas, dikhususkan bagi pelajar-pelajar yang berminat untuk menjawat jawatan imam atau bagi meningkatkan akademik imam-imam yang sedia ada. Institusi pengajian ini adalah mustahak sekali untuk meningkatkan kewibawaan pegawai-pegawai masjid yang sememangnya sebagai orang yang sangat dipercayai di mata masyarakat serta bertanggungjawab dalam hal ehwal keagamaan di sesuatu kawasan yang mempunyai penduduk atau jemaah yang ramai.

BAHAGIAN A: Identiti

Bil	K/Mas	DH	SG	JP	KP	UM	AKA	KK	JJ
01	NG	BM	11	TT	C	3	SM	KI	J2
02	NG	BM	11	TT	C	3	PU	KI	J4
03	MU	BM	11	TT	C	3	SM	KP	J1
04	MU	BM	13	TT	A	2	PU	KI	J3
05	MM	BM	13	TT	A	2	SM	TK	J1
06	MM	BM	15	TT	A	1	SM	KI	J1
07	MM	BM	12	TT	B	3	PU	KI	J2
08	MK	BM	KL	KN	B	4	SM	TK	J1
09	MU	BM	13	TT	B	3	SM	TK	J1
10	MM	BM	14	SS	D	4	SR	KI	J1
11	MM	BM	14	SS	D	4	SR	KI	J1
12	MK	BM	15	SS	D	4	SR	KI	J3
13	MM	BM	KL	TT	A	1	PU	TK	J1
14	MK	BM	12	TT	B	2	PU	KI	J1
15	MK	BM	12	TT	D	3	SR	KI	J1
16	MU	BM	14	TT	A	1	SP	KI	J3
17	MM	BM	15	SS	D	4	SR	KI	J1
18	MK	BM	12	TT	B	3	PU	KI	J1
19	MK	BM	13	TT	D	3	PU	KI	J1
20	MK	BM	12	TT	B	3	PU	KI	J3
21	MU	KB	KL	KN	B	4	SR	KI	J1
22	MU	KB	12	TT	C	3	PU	KI	J3
23	MM	KB	13	TT	A	2	SM	KI	J1
24	MK	KB	13	TT	A	3	SM	KI	J2
25	MM	KB	12	TT	B	3	SM	KI	J2
26	MU	KB	KL	KN	A	3	SM	KI	J1
27	MK	KB	13	TT	A	2	SM	TK	J4

28	MK	KB	KL	NN	B	J
29	MU	TG	13	TT	A	2	SM	KI
30	MK	TG	13	TT	A	2	SM	KI
31	MK	TG	13	TT	A	1	SM	KI
32	MK	TG	13	TT	A	2	SM	KI
33	MK	TG	13	SS	D	4	SR	KI
34	MM	TG	13	TT	A	2	SM	KI
35	MK	TG	12	TT	B	3	SM	KI
36	MK	TG	15	SS	C	4	SR	KI
37	MU	TM	12	SS	D	4	SR	KI
38	MK	TM	12	TT	B	2	SM	TK
39	MM	TM	13	TT	B	2	PT	KI
40	MK	TM	KL	KN	A	3	SM	TK
41	MK	TM	14	SS	D	4	SR	KI
42	MK	TM	13	TT	B	3	SM	KI
43	MK	TM	14	TT	A	3	SM	KI
NG=2	BM=20	11=3	TT=30	A=17	I=4	SP=1	KI=32	J=27
MU=9	KB=8	12=10	SS=8	B=13	2=11	SR=10	KP=1	J2=6
MM=11	TG=8	13=15	KN=5	C=4	3=18	SM=22	TK=8	J3=8
MK=21	TM=7	14=5	J=43	D=9	4=10	PJ=9	J4=2	
J=43	J=43	KL=6	J=43	J=43	J=43	PT=1	J=43	
			J=43			J=43		

K Mas	Kategori Masjid	DH	: Daerah	SG	: Sukatan Gaji	JP	: Jenis Perkhidmatan	KP	: Kelamaan Perkhidmatan
NG	: Negara	BM	: Brunei & Muara	11	: B2	TT	: Tetap	A	: 1-5 tahun
MU	: Utama	TG	: Tutong	12	: C3 - 4 EB5	SS	: Sebulan Ke Sebulan	B	: 6-10 tahun
MM	: Mukim	KB	: Kuala Belait	13	: C1 - 2 EB3	KN	: Kontrak	C	: 11-15 tahun
MK	: Kampong	TM	: Temburong	14	: D4 - 5 EB6			D	: lebih dari 15 tahun
				15	: D2 - 3 EB4				
						KL	: Kategori Lain		

UM	Umur	AKA	KK
1	: 30 tahun ke bawah	SP	: Kelulusan Akademik
2	: 31-40 tahun	SR	: Sekolah Pondok
3	: 41-55 tahun	SM	: Sekolah Rendah
4	: 56 tahun Ke atas	PU	: Sekolah Menengah
		PT	: Perguruan Ugama
			: Pengajian Tinggi
			JJ : Jarak Jauh Tempat Tinggal
			J1 : Di bawah 5 Km
			J2 : 6 Km - 10 Km
			J3 : 20 Km ke atas
			J4

4.5.2 Bahagian B : Petadbiran Masjid

Pentadbiran masjid adalah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan fungsi dan kemajuan institusi masjid sebagai pusat ibadat, perpaduan masyarakat, ilmu pengetahuan dan sebagainya. Sebaliknya tanpa pentadbiran yang cekap dan cemerlang sesebuah masjid itu akan menjadi sebuah bangunan yang senyap sepi dan sunyi dari segi pengisianya.

Dalam usaha kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid menghidupkan masjid sebagai pusat ‘ibadat, ilmu pengetahuan dan sebagainya, pentadbiran masjid seluruh negara telah pun dikemaskinikan dengan mengatur beberapa orang Pegawai Urusan Masjid di setiap Daerah mengawasi segala pentadbiran masjid-masjid dan perjalannya mencapai matlamat yang disebutkan di atas. Usaha kerajaan itu memanglah baik tujuannya, tetapi persoalannya, sejauh manakah kesannya kepada pentadbiran masjid itu sendiri ?...

Jika dilihat kepada hasil soal selidik dalam Bahagian ini, kesemua masjid yang diselidiki mengatakan masjid mereka mempunyai bilik pentadbirannya yang khusus. Hanya saiz besar atau kecilnya bilik tersebut tidaklah menjadi masalah kepada mereka untuk menjadikannya sebagai bilik pentadbiran khusus yang ada pada masjid berkenaan.

Bahkan terdapat pada sebahagian masjid-masjid mempunyai bilik pentadbiran yang lengkap dengan peralatan pejabat dan sebagainya bagi kemudahan Pegawai-Pegawai Masjid menjalankan kerja-kerja yang berhubung dengan masjid. Soalnya berapa ramaikah Pegawai-Pegawai Masjid menjalankan pentadbiran masjid di pejabat masing-masing mengikut masa yang ditetapkan dalam Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1977?...

Berdasarkan kajian yang dijalankan, terkecuali dua buah masjid Negara, hanya 4 buah masjid sahaja yang memberikan jawapan menjalankan pentadbiran masjid mengikut peraturan di atas. Manakala kebanyakkan masjid-masjid yang lain menjalankan pentadbiran masjid mereka satu jam sebelum dan selepas waktu-waktu sembahyang. Menurut pandangan penulis, fenomena ini menunjukkan kurangnya penekanan kepada Pegawai-Pegawai Masjid dalam mempraktikkan peraturan kerja yang telah ditetapkan. Ini sedikit sebanyak melemahkan pentadbiran masjid berkenaan dan dengan sendirinya memberi kesan yang negatif kepada pentadbiran Jabatan. Perkara seperti ini perlu diperbetulkan agar ianya tidak semakin parah semata-mata untuk mencapai sebuah pentadbiran yang bersistematik mengikut perubahan masa serta dihormati oleh masyarakat.

Sebenarnya pentadbiran masjid tidak akan berfungsi jika sekiranya sesebuah masjid itu tidak mempunyai ketua pentadbirnya. Ketua pentadbiran masjid itu ialah Imam

masjid berkenaan. Dalam soal ini, para Imam masjid perlulah mengetahui dan mendalami ilmu pentadbiran dalam semua hal yang berhubung dengan masjid. Kursus-kursus perlu didedahkan kepada mereka supaya hasil daripadanya dapat ditonjolkan dan dipraktikkan kepada pentadbiran masjid.

Jika kita lihat kepada Jadual 4.2, menunjukkan masih terdapat beberapa buah masjid yang diselidiki mempunyai kekurangan Pegawai-Pegawai Masjid yang sepatut mustahak dipenuhi atas kemaslahatan masyarakat setempat. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat masjid yang tidak mempunyai Imam dan ada juga mempunyai Imam tetapi tidak ada Bilal. Kedua-dua jawatan ini adalah penting dan tidak sepatutnya tidak dipenuhi, kerana ia adalah satu jawatan yang semestinya wujud pada masjid itu. Selain daripada itu terdapat juga dalam satu masjid itu mempunyai 2,3,4 dan 5 orang Imam yang ditugaskan. Ketidakseragaman ini menimbulkan masalah kepada masjid itu sendiri dan juga masyarakat setempat sehingga lebih separuh daripada masjid-masjid yang diselidiki mendakwa mereka sendiri tidak mencukupi kakitangan dalam pentadbiran mereka. Jelasnya, ini menunjukkan sistem pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Masjid pada menempatkan Pegawai-Pegawai Masjid khususnya tidak teratur, sehingga boleh mengelirukan orang ramai dalam membezakan mana satu Imam dan Bilal. Sebenarnya membezakan jawatan-jawatan dalam sesebuah masjid itu lebih praktikal daripada menggunakan secara umum seperti Pegawai Masjid, kerana perkataan Imam dan Bilal itu

adalah perkataan asal yang kebiasaannya digunakan untuk gelaran-gelaran khusus kepada petugas-petugas masjid. Selain itu terdapat keutamaan disebalik gelaran Imam dan Bilal itu, sebagaimana mengutamakan Imam orang yang baik bacaannya untuk menjadi Imam dalam sebahyang dan seterusnya sepertimana yang disebutkan dalam syarat-syarat melantik Imam.

Bagi melicinkan lagi pentadbiran masjid, Ahli Jawatan kuasa Masjid juga memainkan peranan yang penting pada membantu Imam dan Bilal dalam merancang dan menyusun aktiviti-aktiviti masjid bagi menggalakkan orang ramai hadir ke masjid. Di sini, peranan Imam dalam menggunakan bantuan mereka, hendaklah bijak supaya AJKM itu tidak mengatasi kewibawaan Imam dalam hal-hal dasar pentadbiran masjid. Jika dilihat kepada Jadual 4.2 sebanyak 11 buah sahaja daripada 43 buah masjid yang mempunyai AJKM bagi kaum wanita. Penglibatan wanita dalam AJKM ini khususnya bagi suri rumah tangga adalah satu cara untuk menarik lebih ramai lagi jemaah ke masjid. Mereka tidak sepatutnya disisihkan daripada masjid, kerana mereka juga ada hak untuk mengadakan aktiviti-aktiviti mereka tersendiri yang orang lelaki tidak mengetahuinya. Dengan ramainya ahli jemaah masjid ini, Insyallah, pentadbiran masjid akan dapat menampakkan kesan yang cemerlang di mata masyarakat serta dapat memberikan kemudahan yang bersesuaian dan sebaik-baiknya kepada masyarakat setempat.

BAHAGIAN B: Pentadbiran Masjid

Jadual 4.2

Bil	ADM	IMM	BLL	KKK	JKK	KOP	PMB	WBM	WBA	HPK	AJK	TJK	BJK	WJK	KMD	KFM
01	Y	4	4	Y	37	Y	WP	WP	C	Y	Y	C	T	C	C	C
02	Y	5	4	Y	168	Y	WP	WP	C	T	T	-	T	C	C	C
03	Y	3	1	Y	8	Y	Y	SS	C	Y	Y	B	T	C	B	B
04	Y	2	1	T	4	Y	Y	SS	SS	C	Y	Y	B	Y	B	B
05	Y	2	1	T	6	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	C	Y	C	B
06	Y	-	2	T	3	Y	Y	SS	SS	C	Y	Y	B	Y	B	A
07	Y	2	-	T	4	Y	Y	SS	SS	A	Y	Y	C	T	A	A
08	Y	2	-	T	3	T	Y	SS	SS	D	Y	Y	D	T	D	D
09	Y	3	2	Y	10	Y	Y	PM	PM	B	Y	Y	B	T	B	B
10	Y	1	1	T	3	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	B	T	B	B
11	Y	1	1	T	3	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	B	T	B	B
12	T	1	1	T	3	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	B	T	C	B
13	Y	2	1	T	4	Y	Y	SS	SS	C	Y	Y	C	T	C	C
14	Y	1	1	T	2	Y	Y	SS	SS	C	Y	Y	C	T	B	C
15	Y	1	1	Y	3	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	C	T	C	B
16	Y	2	1	T	3	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	C	T	B	B
17	Y	2	-	T	3	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	C	Y	C	B
18	Y	2	-	T	3	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	B	Y	B	B
19	Y	2	-	Y	3	Y	Y	SS	SS	C	Y	Y	D	Y	C	B
20	Y	2	-	Y	2	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	B	T	B	B
21	Y	1	2	T	5	Y	Y	PM	PM	B	Y	Y	B	T	B	B
22	Y	2	2	Y	6	Y	Y	WP	WP	C	Y	Y	D	T	D	D
23	Y	2	1	T	3	Y	Y	SS	SS	A	Y	Y	D	Y	A	C
24	Y	1	1	T	2	Y	Y	WP	WP	C	Y	Y	C	Y	C	C
25	Y	3	-	Y	4	Y	Y	SS	SS	C	Y	Y	B	T	B	B
26	Y	3	2	T	7	T	Y	SS	SS	D	Y	Y	D	T	B	C

Bil	ADM	IMM	BLL	KKK	JKK	KOP	PMB	WBM	WBA	HPK	AJK	TJK	BJK	WJK	KMD	KFM
27	T	1	1	Y	3	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	B	T	B	B
28	T	1	-	T	2	Y	Y	WP	WP	D	Y	Y	D	Y	D	D
29	Y	2	-	T	4	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	C	T	B	C
30	Y	1	1	T	2	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	C	Y	B	B
31	Y	1	1	T	2	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	A	T	A	B
32	Y	1	1	Y	3	Y	Y	SS	SS	C	Y	Y	D	T	D	C
33	Y	2	-	T	3	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	C	T	B	B
34	Y	1	-	T	2	Y	Y	PM	PM	C	Y	Y	C	Y	C	C
35	T	1	1	Y	3	Y	Y	SS	SS	C	Y	Y	D	T	D	C
36	Y	1	1	Y	3	Y	Y	SS	SS	C	Y	Y	C	T	C	B
37	Y	2	2	Y	6	Y	Y	SS	SS	D	Y	Y	D	T	C	D
38	Y	1	-	T	2	Y	Y	SS	SS	C	Y	Y	B	T	B*	C
39	Y	1	1	T	3	T	Y	SS	SS	C	Y	Y	C	T	D	C
40	Y	1	1	Y	3	T	Y	SS	SS	C	Y	Y	C	T	D	C
41	Y	1	1	Y	3	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	B	T	B	A
42	Y	1	1	Y	3	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	B	T	B	A
43	Y	1	1	Y	3	Y	Y	SS	SS	B	Y	Y	C	T	B	A
	Y=39	n=72	n=43	Y=18	n=	Y=39	Y=43	SS=35	SS=35	A=2	Y=42	Y=42	A=1	Y=11	A=3	A=5
			,	352												
	T=4			T=25	T=4	T=3	T= -	PM=3	PM=3	B=20	T=1	T=1	B=15	T=32	B=19	B=20
								WP=5	WP=5	C=17			C=17		C=13	C=14
										D=4			D=9		D=8	D=D
										E= -			E= -		E= -	E= -

ADM	: Pentadbiran Khusus	WBA	: Waktu Masjid Berakhir
IMM	: Imam	HPK	: Hubungan Pentadbir ~ Kakitangan
BLL	: Bilal	AJK	: Ahli Jawatankuasa
KKK	: Kecukupan Kakitangan	TJK	: Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa
JKK	: Jumlah Kakitangan	BJK	: Bantuan Ahli Jawatankuasa
KOP	: Keperluan Organisasi Pentadbiran	WJK	: Penglibatan Wanita dalam AJK
PMB	: Pentadbiran Masjid Berfungsi	KMD	: Kemudahan Pentadbiran Masjid
WBM	: Waktu Masjid Bermula	KFM	: Kefahaman Imam dan Bilal

Kod Jawapan:

Y	: Ya	T	: Tidak
A	: Cemerlang	B	: Sangat Baik
D	: Memuaskan	E	: Tidak Memuaskan
WP	: 7.45 pagi - 4.30 petang		
PM	: 8.20 pagi - 10.30 pagi		
SS	: Satu Jam Sebelum dan Sesudah Waktu-Sembahyang		

4.5.3 Bahagian C : Pemeliharaan Masjid.

Di Negara Brunei Darussalam, pentadbiran masjid kesluruhannya dikendalikan oleh kerajaan sepenuhnya melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU. Pembekalan Pegawai-Pegawai dan kakitangannya ditanggung oleh kerajaan sepenuhnya bagi tujuan menjaga dan memelihara kesucian masjid sebagai rumah Allah yang dihormati oleh manusia seluruhnya.

Bagi tujuan dan majaga kesucian masjid ini, berbagai keperluan masjid telah pun disediakan oleh pihak kerajaan termasuklah membekalkan tenaga buruh untuk menjaga dan membersihkan kawasan masjid sama ada luar dan dalam bangunan masjid. Melihat kepada banyaknya bantuan kerajaan ke arah ini, masjid-masjid di negara ini tidak sepatutnya dicemar oleh kekotoran yang membawa kepada keaiban masjid pada pandangan orang ramai. Tugas ini juga perlu kepada pengawasan pentadbir masjid supaya tidak menimbulkan perkara-perkara yang tidak disenangi oleh orang ramai.

Ketidakseimbangan pembahagian buruh-buruh kepada masjid-masjid telah wujud berdasarkan kepada hasil soal selidik yang dijalankan sebagaimana dapat kita lihat dalam Jadual 4.3. Yang menjadi kemesyikilan dalam jadual tersebut ialah kecuali dua buah masjid negara, terdapat sebahagian masjid -masjid itu mempunyai 1,2,3, dan 4 orang

buruh dalam satu masjid. Tetapi dari segi yang lain pula, terdapat beberapa buah masjid yang tidak mempunyai tenaga buruh, sedangkan masjid-masjid itu lebih besar dan luas kawasannya daripada masjid-masjid yang lain.

Dalam hal ini, kajian perlu dibuat untuk mengetahui sebab-sebab ketidak seragaman itu. Perkara ini bukan sahaja menimbulkan masalah dalam pentadbiran masjid, bahkan ianya boleh mencemarkan kebersihan masjid.

BAHAGIAN C: Pemelibaran Masjid

Bil	PKK	KPP	BTB	KTB	PKB	HIB	KIB	PPB	KBT	KKM
01	Y	27	Z	C	Y	G	T	Y	Y	C
02	Y	100	Z	D	T	G	T	Y	Y	C
03	Y	4	Z	C	Y	G	Y	Y	Y	C
04	Y	2	Z	B	Y	G	Y	Y	Y	B
05	Y	4	Z	B	Y	G	Y	Y	Y	A
06	Y	1	X	A	Y	G	Y	Y	Y	B
07	Y	1	X	D	Y	G	Y	Y	Y	B
08	Y	1	Z	C	Y	G	Y	Y	Y	D
09	Y	5	Z	C	Y	G	Y	Y	Y	B
10	Y	1	Z	B	T	G	T	Y	Y	B
11	Y	1	Z	D	Y	G	Y	Y	Y	D
12	Y	1	Z	C	Y	G	Y	Y	Y	C
13	T	-	-	-	-	-	-	-	Y	C
14	T	-	-	-	-	-	-	-	Y	C
15	Y	1	Z	C	Y	G	Y	Y	Y	B
16	Y	1	X	B	Y	G	Y	Y	Y	B
17	Y	1	Z	B	Y	G	Y	Y	Y	B
18	Y	1	Z	B	Y	G	Y	Y	Y	C
19	Y	1	Z	B	Y	G	Y	Y	Y	C
20	T	-	-	-	-	-	-	-	Y	C
21	Y	2	Z	B	Y	G	Y	Y	Y	D
22	Y	2	Z	D	Y	G	Y	Y	Y	D
23	T	-	-	-	-	-	-	-	Y	C
24	T	-	-	-	-	-	-	-	Y	E
25	Y	1	Z	C	Y	G	Y	Y	Y	C
26	Y	2	Z	D	Y	G	Y	Y	Y	D
27	Y	1	Z	B	Y	G	Y	Y	Y	B

4.

Bil	PKK	KPP	BTB	KTB	PKB	HIB	KIB	PPB	KBT	KKM
28	Y	1	Z	D	Y	G	Y	Y	Y	D
29	Y	2	Z	D	Y	G	Y	Y	Y	B
30	T	-	-	-	-	-	-	-	-	C
31	Y	1	X	D	Y	G	Y	Y	Y	B
32	Y	1	Z	C	Y	G	Y	Y	Y	C
33	Y	1	Z	C	Y	G	Y	Y	Y	C
34	Y	1	X	D	Y	G	Y	Y	Y	C
35	Y	1	Z	D	Y	G	Y	Y	Y	D
36	Y	1	X	C	Y	G	Y	Y	Y	C
37	Y	2	X	D	Y	G	Y	Y	Y	C
38	Y	1	Z	C	Y	G	Y	Y	Y	D
39	Y	1	Z	E	Y	G	Y	Y	Y	C
40	Y	1	Z	C	Y	G	Y	Y	Y	C
41	Y	1	Z	B	Y	G	Y	Y	Y	B
42	Y	1	Z	B	Y	G	Y	Y	Y	A
43	Y	1	Z	C	Y	G	Y	Y	Y	A
	PKK	KPP	BTB	KTB	PKB	HIB	KIB	PPB	KBT	KKM
Y=37	n=78	X=7	A=1	Y=35	G=	Y=	Y=37	Y=43	A=3	
T=6		Y=	B=11	T=2	37	34	T=		B=12	
		Z=30	C=13		TB=	T=3		C=19		
					D=11			D=8		
					E=1			E=1		

KOU.			
PKK	: Pekerja	KPP	: Keranaman Pekerja
BTB	: Bidang Tugas Buruh	KTB	: Kefahaman & Tanggungjawab Buruh
PKB	: Pengawasan Imam Terhadap Buruh	HIB	: Hubungan Imama ~ Buruh
KIB	: Kerjasama Imam ~ Buruh	PPB	: Prestasi Perkhidmatan Buruh
KBT	: Kepertuan Buruh Tetap	KKM	: Kebersihan Masjid

Kod Jawapan:

Y	: Ya	X	: Membersihkan Luar Kawasan
T	: Tidak	Y	: Dalam Masjid
A	: Cemerlang	Z	: Luar Dan dalam Masjid
B	: Sangat Baik	D	: Memuaskan
C	: Baik	E	: Tidak Memuaskan
G	: Baik	TB	: Tak Baik

4.5.4 Bahagian D : Takmir Masjid

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, peranan pentadbiran masjid yang cekap dan cemerlang membawa kepada kesan yang positif kepada pencapaian pentakmiran masjid yang berjaya, sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Masjid yang takmir dan ramai jemaahnya pada setiap masa dan waktu adalah lebih baik dan *afdal* daripada masjid yang kurang jemaahnya.

Pada umumnya masjid-masjid di Brunei masa kini terdiri daripada bangunan-bangunan yang baru, sama ada bagi menggantikan masjid-masjid yang lama mahu pun yang baru dibina. Proses pembaharuan ini mula rancak dijalankan pada awal tahun 80-an sehinggalah sekarang. Ini setentunya menunjukkan bahawa masjid-masjid sekarang pada umumnya dibangunkan berasaskan kepada perancangan pembangunan jangka panjang. Masjid-masjid yang baru ini lebih mementingkan muatan maksimum jemaah berdasarkan keramaian penduduk yang ada dan akan datang. Hasilnya, masjid-masjid kampong sekarang ini boleh menampung jemaah kurang daripada 500 orang jemaah, Masjid Mukim menampung antara 800 hingga 1,500 orang jemaah, Masjid Utama ialah lebih 2,000 jemaah dan Masjid Negara lebih daripada 3,000 hingga 6,000 orang jemaah.⁶⁰

⁶⁰ Ibid.

Jika dilihat kepada Jadual 4.4, keramaian jemaah yang hadir ke masjid pada waktu-waktu sembahyang Ijma waktu kurang membanggakan, terutama pada waktu-waktu Zuhor dan Asar. Manakala pada waktu-waktu Maghrib, Isya' dan Suboh menunjukkan peningkatan kehadiran jemaah yang lebih ramai jika dibandingkan pada waktu-waktu Zuhor dan Asar. Masjid-masjid hanya akan dipenuhi oleh orang-orang ramai khususnya pada waktu sembahyang fardu Jumaat, sepanjang bulan Ramadan dan kedua Hari Raya.

Jika dilihat juga kepada kedudukan masjid-masjid pada umumnya, keseluruhan masjid-masjid didirikan di tengah-tengah tempat tinggal orang ramai, dan ia setentunya mudah untuk dikunjungi. Dalam 43 buah masjid yang disoal selidik, hanya sebuah sahaja yang memberikan jawaban bahawa masjidnya susah untuk dikunjungi oleh orang ramai, kerana masjid yang didirikan luar daripada kawasan orang ramai.

Sebagai sebuah pusat pendidikan dan ilmu pengetahuan, kesemua masjid-masjid di negara ini telah pun menyediakan perancangan takmir masjidnya tersendiri. Ini termasuklah ceramah-ceramah, halaqah, kelas-kelas orang dewasa, kanak-kanak dan sebagainya. Sungguhpun perancangan takmir yang dibuat itu tersusun dan teratur, namun sambutan daripada orang ramai kurang menggalakkan, di mana kehadiran orang ramai ke

masjid amat sedikit bilangannya daripada yang sepatutnya berdasarkan kepada keramaian penduduk setempat. Oleh kerana rancangan takmir tersebut kebanyakannya diadakan selepas waktu maghrib, maka yang hadir itu pula terdiri daripada jemaah tetap masjid, yang majoritinya tergolong daripada golongan tua. Hanya yang membanggakan sekarang ini ialah kehadiran kanak-kanak yang mengikuti kelas-kelas *Mugaddam* yang diadakan pada setiap pagi hari Jumaat dan Ahad di masjid-masjid seluruh negara.

Dari hasil yang kita dapat daripada soal selidik ini, dapat disimpulkan bahawa pencapai perancangan takmir masjid yang ada sekarang sebenarnya kurang menggalakkan dari segi sembutan orang ramai. Ini dapat kita lihat daripada Jadual 4.4 tentang kehadiran dan sembutan orang ramai terhadap recangan takmir yang dijalankan. Di sini perlulah pihak yang bertanggungjawab mengkaji semula punca sebenarnya, bagaimana cara yang lebih efektif menarik minat orang ramai untuk memenuhi masjid pada setiap masa dan waktu berdasarkan firman Allah Ta'āla :

﴿إِنَّمَا يَعْمَرُ مسجِدَ اللَّهِ مِنْ عَامِنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَعَاتَى الزَّكُوْةَ وَلَمْ يَخْشِ إِلَّا اللَّهُ فَعَسَى أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمَهْتَدِينَ﴾⁶¹

Terj: Hanyasanya yang layak mema'murkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-

⁶¹ S. al-Taubah : A. 18.

orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

:

Ayat di atas adalah satu cara untuk mengerakkan masyarakat supaya mendekatkan diri dengan masjid. Kerana tanpa dorongan dan galakan yang jitu masjid akan mengalami situasi yang membimbangkan yang hanya merupakan sebuah bangunan yang indah tersergam tetapi kosong dari segi pengisiannya. Rasulullah *s.a.w* telah awal-awal lagi memperingatkan kita dalam sabdanya :

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّىٰ يَتَاهُ النَّاسُ فِي الْمَسَاجِدِ.⁶²

Terj: *Tidak akan bangkit hari kiamat itu sehingga manusia berbangga-bangga pada masjid-masjid.*

Hadis diatas memberi makna bahawa mendirikan masjid-masjid dengan banyak sekali tidak mempunyai makna apa-apa jika pengisiannya disia-siakan. Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab kita semua umat Islam mengunjungi masjid dengan tujuan membersihkan diri daripada perkara-perkara yang tidak disukai oleh Allah *s.w.t.*

⁶² Al-Sijistānī, *op cit.*, *Kitāb al-Salāt, Bāb fī Bīnā' al-Masājid*, bil. 449., 1 : 120. Lihat juga Ibn Majah., *op cit.*, *Kitāb al-Masājid wa al-Jamā'at, Bāb Tasyīd al-Masājid*, bil. 739., 1: 244.

Bahagian D: Pentakmiran Masiid

Bil	KK	KL	KM	KP	KJ	SP	KJ	KW	KW	KW	KW	KS	KS	IT	IM	PM
	W	A	J	T	A	T	L	P	Z	A	M	I	S	J	P	H
01	Y	Y	3000	Y	Y	16	C	20	5	120	150	120	100	30	2500	3500
02	Y	Y	6000	Y	Y	40	C	100	20	300	400	400	120	6000	7000	7000
03	Y	Y	3000	Y	Y	38	C	30	10	100	75	100	120	60	2000	2000
04	Y	Y	3000	Y	Y	24	B	70	35	30	30	200	250	70	3000	3500
05	Y	Y	1500	Y	Y	8	D	30	20	50	50	125	135	60	1700	1800
06	Y	Y	1000	Y	Y	4	C	20	15	6	6	30	30	10	350	500
07	Y	Y	2000	Y	Y	4	A	70	T	50	47	70	97	30	800	780
08	Y	Y	1200	Y	Y	60	C	80	10	60	50	90	100	70	1200	1200
09	Y	Y	3000	Y	Y	28	D	40	10	40	45	80	80	35	1800	3000
10	Y	Y	1500	Y	Y	32	B	120	30	30	30	60	90	28	1000	1500
11	Y	Y	1500	Y	Y	1	C	70	25	6	5	12	25	5	600	900
12	Y	Y	200	Y	Y	20	B	23	15	10	7	24	30	10	200	400
13	Y	Y	1200	Y	Y	44	C	20	15	15	10	100	115	20	800	1200
14	Y	Y	120	Y	Y	32	D	15	-	2	9	15	15	3	120	150
15	Y	Y	250	Y	Y	8	D	20	2	3	4	10	10	4	200	300
16	Y	Y	700	Y	Y	8	B	20	5	27	15	30	45	20	600	650
17	Y	Y	1000	Y	Y	16	C	50	25	16	16	50	45	17	400	700
18	Y	Y	350	Y	Y	1	B	25	8	10	8	27	45	14	300	370
19	Y	Y	200	Y	Y	28	C	60	10	5	5	10	20	17	350	800
20	Y	Y	300	Y	Y	12	C	20	20	2	2	40	40	5	70	100
21	Y	Y	1500	Y	Y	24	B	40	15	80	65	110	140	50	1100	2000
22	Y	Y	1400	Y	Y	8	D	25	5	110	96	130	150	56	1300	1500
23	Y	Y	2000	Y	Y	12	B	80	20	20	20	80	100	40	800	1700
24	Y	Y	120	Y	-	-	-	-	-	4	4	15	18	4	50	60
25	Y	Y	450	Y	Y	15	C	50	15	20	12	30	50	35	350	450
26	Y	Y	600	Y	Y	2	D	30	10	53	50	120	150	30	610	700
27	Y	Y	100	Y	Y	4	C	14	2	6	3	14	28	8	68	86

- KKW: Ketepatan Kehadiran Waktu
 KMI: Kemampuan Menampung Jemaah
 KPT: Keterlibatan Perancangan Takmir
 SPT: Sambutan Perancangan Takmir
 KWZ: Kehadiran Waktu Zohor
 KWM: Kehadiran Waktu Maghrib
 KWS: Kehadiran Waktu Subuh
 KSP: Kehadiran Sembahyang Hari Raya Puasa
 ITP: Imam Sebagai Tenaga Pengajar
 PMM: Pencapaian Matlamat Masjid

- KL_A: Ketepatan Laungan Azan
 KL_M: Kesesuaian Lokasi Masjid
 JK_A: Jumlah Kuliah Agama
 KJP: Kehadiran Jemaah Perempuan
 KW_A: Kehadiran Waktu Asar
 KW_I: Kehadiran Waktu Isya'
 KS_I: Kehadiran Sembahyang Jumaat
 KSH: Kehadiran Sebahyang Hari Raya Haji
 IMK: Imam Memberi Kuliah Agama
 KII: Kehadiran Jemaah Lelaki

Kod Jawaban:

- Y: Ya
 T: Tidak
 A: Cemerlang
 B: Sangat Baik
 C: Baik
 D: Memuaskan
 E: Tidak Memuaskan

4.6 Kesimpulan

Dari pembahasan dan keterangan di atas, jelas membuktikan serta meyakinkan kita bahawa faktur penting ke arah merealisasikan peranan dan fungsi masjid menjadi kenyataan ialah dengan mengukuhkan kecekapan dan kewibawaan pentadbiran masjid yang menjadi nadi kepada penggerak ukhwah Islamiyah masyarakat setempat. Tanpa pentadbiran yang cekap dan berwibawa sudah tentu masjid akan kesunyian, kesepian dan tidak bermaya untuk mempengaruhi lebih ramai jemaah berkunjung padanya.

Masjid yang cemerlang ialah masjid yang sentiasa dipenuhi oleh jemaah pada setiap waktu dan masa. Ini menunjukkan kecemerlangan sesebuah masjid itu terletak di atas bahu atau kewibawaan dan kebijaksanaan seseorang Imam atau pentadbir masjid dalam menyusun struktur pentadbirannya dengan teratur dan bersistematik. Masjid tidak akan mencapai matlamatnya yang sebenar jika kelayakkan seseorang Imam atau pentadbir masjid tidak menepati syarat-syarat sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Kelayakkan seseorang Imam juga adalah penentu kepada kewibawaan sesebuah masjid yang sangat dihormati oleh masyarakat. Dengan kebijaksanaan Imam juga, sudah pasti organisasi pentadbirannya lebih bertanggungjawab dan peka akan kewajiban-kewajiban yang telah diamanahkan kepada mereka berjalan dengan betul dan mendapat kepercayaan daripada masyarakat setempat. Pihak pentadbir masjid yang terdiri daripada Imam, Bilal dan Ahli

jawatankuasanya mestilah mengetahui akan tugas dan tanggungjawab masing-masing serta menjalankannya dengan penuh komitmen dan keikhlasan kerana Allah s.w.t.

:

Perancangan pembangunan masjid juga adalah dikira sebagai matlamat utama ke arah merealisasikan peranan dan fungsi masjid yang sebenar. Islam telah menggariskan bahawa pembinaan sesebuah masjid itu hendaklah dibina pada lokasi yang mempunyai ramai penduduk agar masyarakat disekelilingnya sama-sama bertanggungjawab untuk menonjolkan syiar Islam wujud di tempat itu.

Bagi menjayakan program dan aktiviti-aktiviti masjid berjalan dengan lancar, adalah difikirkan perlu bagi pihak masjid menyediakan kelengkapan-kelengkapan atau kemudahan-kemudahan yang munasabah dijadikan sebagai tempat perlaksanaannya. Tanpa adanya kemudahan-kemudahan seperti ini, pestinya masjid tersebut akan ketinggalan dan tidak boleh berkembang mengikut keadaan dan suasana masa kini.

Mengejar kemajuan dunia masa kini adalah sesuatu yang mustahak kepada masjid. Dengan yang demikian, menumpukan ke arah peningkatan akademik para pentadbir masjid atau imam adalah suatu yang boleh meyakinkan masyarakat mencapai tujuan tersebut. Masyarakat bukan sahaja memandang para imam masjid mempunyai ilmu

pengetahuan agama yang tinggi sahaja, akan tetapi para imam juga berkebolehan membincangkan dan menangani isu-isu semasa bersama masyarakat masjidnya.

Bagi menjadikan masjid ditadbir oleh para imam yang berkelibar dan berwibawa, perlu diwujudkan langkah-langkah awal bagi mengatasi masalah-masalah yang ada sekarang. Imam-imam hendaklah diberi dorongan untuk meningkatkan taraf akademik mereka dalam bidang yang berhubungkait dengan tugas, dan sekurang-kurangnya pada setiap tahun sudah ada 5 atau 10 orang imam di seluruh negara yang mengikuti kursus diploma di mana-mana institusi pengajian tinggi yang menganjurkan kursus tersebut.

Bagi menghargai tugas sebagai seorang imam, adalah dicadangkan supaya skim kenaikan pangkat yang ada sekarang perlu dikaji semula agar ia dapat memberi semangat atau motivasi kepada mereka yang berminat untuk menceburi bidang ini dan sebagai dorongan kepada para imam yang sedia ada.

Dari segi penyusunan imam-imam masjid mengikut senioriti, mestilah diambil perhatian yang serius agar ia mengikut kategori masjid-masjid yang ada. Imam yang senior hendaklah ditempatkan pada masjid-masjid yang utama supaya mereka dapat menunjukkan contoh teladan yang baik kepada masjid-masjid yang lain. Begitu juga bilal-

bilal dan juga kakitangan masjid yang lainnya hendaklah disusun dengan saksama, dengan memberikan keutamaan kepada yang sepatutnya.

Dengan adanya penyusunan pentadbiran masjid yang rapi, segala masalah yang dihadapi oleh imam-imam masjid atau masyarakat tidak akan timbul, malah penumpuan kepada masjid akan diutamakan dan mengambil tempat untuk dijadikan realiti peranan dan fungsinya yang sebenar. Mengikis masalah yang timbul dari sikap negatif para pentadbir masjid adalah perlu dibentras dan diselesaikan dengan bijaksana.